



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.37 | SUBUH 4.47 | SYURUK 6.05 | DUHA 6.28 | ZUHUR 12.06 | ASAR 3.24 | MAGHRIB 6.05 | ISYAK 7.15 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 126

19 OKTOBER 2024 / 1446

15

مانيسن ايمان

"SESIAPA yang taat kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah, dan sesiapa yang berpaling (daripada ketaatan itu) maka (janganlah engkau berdukacita wahai Nabi Muhammad) kerana kami tidak mengutus engkau untuk menjadi pemelihara mereka (daripada melakukan kesalahan)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa, ayat 80.

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

KEBAWAH DYMM AKAN BERANGKAT MENGHADIRI ACARA PELANTIKAN PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat ke Jakarta, Republik Indonesia bagi menghadiri Acara Pelantikan Presiden Republik Indonesia yang Ke-8, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto; dan Tuan Yang Terutama Gibran Rakabuming Raka sebagai Wakil Presiden, yang akan diadakan pada 20 Oktober 2024.

Kali terakhir perjumpaan di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan TYT Prabowo Subianto adalah semasa lawatan TYT ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 5 September 2024 selaku Menteri Pertahanan dan bakal Presiden Republik Indonesia.

Pelantikan berkenaan akan menandakan tempoh pentadbiran selama lima tahun TYT Prabowo Subianto sebagai Presiden Republik Indonesia dan TYT Gibran Rakabuming Raka sebagai Wakil Presiden.

Sejak penubuhan hubungan diplomatik



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan dan bakal Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto pada 5 September 2024 di Istana Nurul Iman.

pada Januari 1984, NBD dan Republik Indonesia menikmati jalinan persahabatan dan hubungan kerjasama dua hala yang erat dan mesra dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pendidikan,

kesihatan, buruh dan pertukaran rakyat. Kedua-dua negara juga bekerjasama rapat melalui kerjasama serantau dan antarabangsa termasuk ASEAN, APEC, OIC dan BIMP-EAGA.

Mempertingkatkan kesedaran orang awam terhadap jenayah TIP

Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Khamis, 17 Oktober. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri Mesyuarat 2nd Manila Dialogue : Regional Meeting of Southeast Asian Inter-Agency Counter-Trafficking Committees (IACAT) yang berlangsung pada 15 hingga 16 Oktober 2024 di Manila, Republik Filipina.

Mengetuai delegasi NBD ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan bagi Anti-Pemerdagangan Orang (JKAPO) dan disertai oleh pegawai-pegawai kanan dari JPM; Pasukan Polis Diraja Brunei selaku Pengurus Jawatankuasa Kerja bagi Anti-Pemerdagangan Orang dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

>> Muka 12

Inisiatif mencerminkan kesatuan, perpaduan masyarakat

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya

MANGGIS / MADANG, Jumaat, 18 Oktober.

- Usaha mengumpulkan dana dari penduduk-penduduk Kampung Manggis dan Madang serta sektor korporat tertentu yang diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang jelas mencerminkan kesatuan dan perpaduan masyarakat di kampung-kampung ini yang ingin melaksanakan sesuatu projek

berkebijakan seumpama tanpa bergantung sepenuhnya kepada biaya pihak kerajaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman seterusnya menjelaskan ini sebenar terbit daripada cetusan falsafah pembinaan masjid ini lebih 10 tahun yang lalu iaitu partisipasi antara pihak kerajaan dan orang ramai.

>> Muka 7

Terus tingkatkan kualiti, piawaian amalan penjagaan kesihatan

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Jumaat, 18 Oktober. - Sumbangan yang tidak ternilai dalam farmasi membolehkan akses kepada kualiti penting perkhidmatan kesihatan.

Bukan itu sahaja, tema pada tahun ini, 'Memenuhi keperluan kesihatan global' adalah juga bagi memastikan penggunaan ubat yang selamat dan berkesan, selain, mengoptimalkan hasil rawatan dan menggalakkkan celik kesihatan dalam masyarakat.

Perkara ini ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam ucapan perasmianya selaku tetamu kehormat pada World Pharmacy Day 2024 yang diadakan di Lobi Utama, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), pagi tadi.

Bahkan, jelas Yang Berhormat lagi mereka telah membentuk bahagian penting dalam infrastruktur penjagaan kesihatan, malah menyumbang untuk meningkatkan keberkesan dan kecekapan keseluruhan penyampaian penjagaan kesihatan.

>> Muka 6



Berita Utama



TINGKATKAN kesedaran, pecahkan stigma tentang menopaus

Muka 10



40 pegawai
Kementerian Kesihatan
tamat Kursus Induksi

Muka 12



PROMOSIKAN kewangan lestari, beretika

Muka 19



DADAH perosak negara dan bangsa

Muka 27



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Majlis Perasmian Kementerian Kesihatan sebagai Pusat Latihan Antarabangsa Persatuan Jantung Amerika (American Heart Association - AHA) bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan pada Isnin, 7 Oktober 2024.

Terjemahan oleh :
Dayang Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiya Iwal Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een.
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Selamat pagi dan Salam Sejahtera

Kembangkan tenaga pengajar tempatan diperakui AHA

ALHAMDULILLAH, saya berbesar hati dapat bersama-sama awda hari ini di majlis perasmian menandakan penerimaan Kementerian Kesihatan sebagai Pusat Latihan Antarabangsa American Heart Association (AHA). Ini sememangnya satu langkah penting dalam menambah baik latihan resusitasi di Negara Brunei Darussalam. Pusat ini akan menjadi mercu tanda kecemerlangan, menyediakan profesional penjagaan kesihatan kita dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyelamatkan nyawa semasa kecemasan.

Saya berasa bangga untuk berkongsi bahawa pada masa ini kami mempunyai 29 tenaga pengajar bertauliah AHA dalam Kementerian Kesihatan, terlibat secara aktif dalam menyampaikan Kursus AHA Basic Life Support (BLS) dan Advanced Cardiac Life Support (ACLS). Walau bagaimanapun, melihat ke hadapan, kita perlu mengembangkan kumpulan tenaga pengajar tempatan yang diperakui AHA, dengan membawangkan Fakulti Pusat Latihan khusus untuk pensijilan tenaga pengajar dalaman.

Saya gembira melihat Pakar Klinik Kanan dari Anestesi, Perubatan Kecemasan, Perubatan Dalaman dan Pediatric, bersama-sama dengan Paramedik, mengambil bahagian dalam Kursus Fakulti Pusat Latihan yang akan datang sebagai sebahagian daripada program Latihan Pelatih, untuk mengajar Kursus Pengajar.

Dedikasi awda untuk memajukan latihan pemulihan, sebagai tambahan kepada tanggungjawab klinikal awda, benar-benar terpuji dan lebih mengukuhkan kapasiti latihan tempatan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang dipilih untuk peranan berprestij sebagai tenaga pengajar yang diperakui AHA dan mengambil bahagian dalam Kursus Pengajar yang akan datang. Pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ini mencerminkan dedikasi untuk menyelamatkan nyawa dan pembangunan profesional. Saya amat menggalakkan Jururawat Kanan untuk turut terlibat dalam inisiatif ini, yang menonjolkan kepentingan kemahiran resusitasi sebagai kecekapan teras untuk semua peringkat kejururawatan, khususnya di peringkat Matron. Pensijilan dalam BLS dan ACLS, terutamanya sebagai Pengajar, harus menjadi faktor utama dalam penilaian kenaikan pangkat.

Kementerian Kesihatan melalui Unit Perkembangan dan Pemantauan Resusitasi (RDMU), Kementerian Kesihatan menjalankan tinjauan dari November 2022 hingga Januari 2023 untuk menilai Sijil BLS dan ACLS untuk profesional penjagaan kesihatan di lapan fasiliti, termasuk Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Pusat Kesihatan Utama. Daripada 3,403 profesional penjagaan kesihatan yang ditinjau, 42 peratus memiliki Sijil BLS yang sah, didahului dengan

paramedik, diikuti oleh doktor gigi, doktor dan jururawat. Untuk ACLS, 30 peratus paramedik, 17 peratus doktor, dan dua peratus jururawat telah disahkan. Walaupun angka-angka berkenaan menunjukkan ruang yang perlu diperbaiki dalam kesihihan sijil, ia tidak mencerminkan kekurangan kemampuan disebabkan jurang berkenaan mungkin merupakan akibat daripada gangguan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 dari 2020 hingga 2022. Namun begitu, situasi ini memberi peluang untuk meningkatkan program latihan dan meningkatkan kadar pensijilan.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk mengukuhkan latihan dan amalan resusitasi di Negara Brunei Darussalam. Inisiatif utama ialah Dasar dan Rangka Kerja Resusitasi Kementerian Kesihatan yang ditubuhkan pada 2020, yang memberi panduan tentang keperluan latihan profesional penjagaan kesihatan, pelaksanaan Senarai Semak Troli Resusitasi, dan pembentukan Jawatankuasa Fasiliti Resusitasi. Dasar ini sedang diselar untuk memasukkan keperluan bagi kemudahan kesihatan berdasarkan komuniti dan juga untuk menyediakan borang Audit dan Dokumentasi Serangan Jantung yang standard untuk digunakan di seluruh fasiliti penjagaan kesihatan, memastikan dokumentasi dan pengauditan yang konsisten.

>> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG

OKTOBER MASIHI	HARI	RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	SABTU	15	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
20	AHAD	16	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
21	ISNIN	17	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.05	7.15
22	SELASA	18	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
23	RABU	19	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
24	KHAMIS	20	4.37	4.47	6.05	6.28	12.06	3.24	6.04	7.14
25	JUMAAT	21	4.37	4.47	6.05	6.28	12.05	3.24	6.04	7.14

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
32 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Wallahu alam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabрунеi.gov.bn

دربیتکن اوله جا奔 قراغن، جا奔 فردا متری دان دچیتو اوله فرینت قلس سندیرین برحـد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BRUNEI DPMM FC TERLEPAS 3 MATA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 18 Oktober. - Harapan Pasukan Brunei DPMM FC untuk meraih 3 mata penuh terlepas setelah tewas 3 - 0 kepada Young Lions FC pada perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, malam tadi.

Berkenan berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Berakas, malam tadi.

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Muttaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Juga berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda

Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muttaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Separuh masa pertama menyaksikan Brunei DPMM FC memulakan permainan dengan baik dan memberi tekanan kepada Young Lions FC melalui serangan bertali arus menggengarkan pertahanan lawan.

Sepakan penalti pada minit ke-17 yang diberikan kepada Young Lions FC, bagaimanapun gagal dimanfaatkan apabila sepakan Kan Kobayashi tersasar dari gawang.

Meskipun Brunei DPMM FC mengawal permainan dengan bijak dan hampir sahaja menjaringkan gol, namun sering tersasar dari gawang gol.

Bersambung babak kedua perlawanan, Young Lions FC yang bermain dengan semangat baharu, berjaya mendahului perlawanan apabila sepakan Itsuki Enomoto menggengarkan gawang Brunei DPMM FC menjadikan kedudukan 1 - 0 pada minit ke-57.

Ketinggalan 1 - 0, Brunei



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Young Lions FC pada perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL). Berangkat sama ialah adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan kiri).



JUGA berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muttaqim dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

DPMM FC di bawah kendalian Jamie McAllister, menggandakan usahanya untuk menyamakan kedudukan namun benteng pertahanan kuat Young Lions FC gagal dibolosi.

Perlawanan tetap rancak, namun Pasukan Brunei DPMM FC terpaksa akur dengan kekuatan pasukan Young Lions FC setelah Muhammad Fairuz bin Muhammad Fazli Koh berjaya menggandakan jaringan pada minit ke-65.

Dengan kedudukan 2 - 0, Young Lions FC terus menyerang dan Brunei DPMM FC terus cuba untuk bertahan tetapi akhirnya gagal sekali lagi apabila Itsuki Enomoto menjaringkan gol ketiga bagi pasukannya pada minit ke-69.

Brunei DPMM FC yang kini berada di tangga keenam diharapkan akan terus mengorak strategi yang jitu untuk terus unggul di SPL dalam perlawanan seterusnya.



SEBAHAGIAN aksi pada perlawanan yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas sekali kiri dan atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir memberikan sokongan kepada pasukan Brunei DPMM FC.



PERKASAKAN TULISAN JAWI, KHAZANAH ISLAM SANGAT BERNILAI

Oleh : Haniza Abdul Latif
 Foto : Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Oktober. - Seni penulisan khat atau kaligrafi Arab telah berkembang maju sejajar dengan perkembangan tamadun Islam yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

Evolusi penulisan khat dan Tulisan Jawi menjalani perubahan secara beransur-ansur menjadi lebih artistik sehingga lahirlah pelbagai jenis seni dan gaya penulisan seperti penulisan khat jenis Nasakh, Diwani dan Tsulus.

Demikian sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) semasa Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 yang berlangsung di Dewan

Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik seterusnya bersabda, Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam mengatur langkah ke arah memartabatkan seni khat.

"Bermulanya dari titah paduka ayahanda pada tahun 1991 sempena Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan, di mana kita bukanlah menolak Tulisan Rumi sebagai budaya universal tetapi nisbah kepada kita orang Islam, maka Jawi itu adalah mustahak hidup dan diberi nafas, selaras dengan Tulisan Rumi," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Oleh itu, DYTMB berpendapat bahawa Tulisan Jawi perlu terus diperkasa kerana ia adalah merupakan salah satu khazanah Islam yang sangat bernilai.

Ke arah ini sabda DYTMB lagi, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB telah memulakan beberapa projek dan usaha yang memfokus kepada memberi dorongan dan bimbingan khususnya di kalangan anak-anak muda mengenai ilmu penulisan khat.

"Semoga dengan usaha murni ini, dapatlah kita nanti melihat dan melahirkan pakar-pakar dari kalangan mereka yang mampu memartabatkan lagi kegemilangan seni penulisan khat di negara ini," sabda DYTMB.

Terdahulu dalam sabda, DYTMB menzahirkan ucapan tahniah kepada YSHHB, Research Centre For Islamic History, Art and Culture, Republic of Turkiye, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan di atas usaha sama mereka berganding bahu bagi menjayakan Acara Mahrajan Kaligrafi Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 yang buat julung kalinya diadakan di negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan mengurniakan sabda.

Berangkat merasmikan Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
 Foto : Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (NBD) 2024 (BDIICF 2024) di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat

Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Timbalan Pengerusi 1 Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB.

Turut menjunjung ialah Menteri

di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB, dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri

Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, seterusnya sembah ucapan oleh Director General, Research Centre For Islamic History, Art And Culture, Republik Turkiye, Tuan Yang Terutama Profesor Mahmud Erol Kilic.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya merasmikan Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024.

Majlis diserikan lagi dengan tayangan video pendek bertajuk 'Pemberdayaan Seni Kaligrafi Islam' (Empowerment Of Islamic Arts Calligraphy) dan diteruskan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang daripada empat kategori yang dipertandingkan (kanan dan kanan sekali).



>> Muka 5

>> Muka 4

DYTM kemudian berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang daripada empat kategori yang dipertandingkan, iaitu Khat Thuluth, Khat Nasakh, Khat Diwani dan Khat Diwani Jali.

Johan bagi Kategori Khat Thuluth disandang oleh Hafize Sunduvag Namazireihanloo dari Republik Türkiye, manakala naib johan dan tempat ketiga ialah Rivi Pratama Putra dan Huda Purnawadi dari Republik Indonesia.

Bagi Kategori Khat Nasakh, johan, naib johan dan tempat ketiga, masing-masing milik Mohammad Mustofa, Nafang Permadi Mulyani Utama dan Achmad Jalaludin dari Republik Indonesia.

Manakala bagi Kategori Khat Diwani, johan milik Mohammad Abdul Ghoffar dari Republik Indonesia, naib johan ialah Hayatee Wado dari Thailand, sementara tempat ketiga ialah Nailil Muna dari Republik Indonesia.

Bagi Kategori Khat Diwani Jali, johan disandang oleh Nafang Permadi Mulyani Utama, naib johan ialah Mohammad Abdul Ghoffar, manakala tempat ketiga ialah Ikhsanudin, kesemuanya dari Republik Indonesia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Majlis UNISSA; Ahli-ahli Majlis KUPU SB; pegawai-pegawai daripada IRCICA, para juri dan pemenang Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024 serta para pembentang bengkel sepanjang Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024.

Johan bagi keempat-empat kategori menerima wang tunai sebanyak USD1,500, manakala naib johan menerima wang tunai sebanyak USD1,000, sementara tempat ketiga menerima wang tunai sebanyak USD750.

Para pemenang setiap kategori juga turut menerima sijil penghargaan dan juga plak.

DYTM seterusnya berkenan mengurniakan cenderamata kepada Tuan Yang Terutama Profesor Mahmud Erol Kilic;

Pensyarah Kanan Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan Yang Dipertua Persatuan Seni Khat Kebangsaan, Malaysia, Dr. Abd. Rahman bin Hamzah; dan juri-juri pertandingan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

DYTM seterusnya berkenan menyaksikan pameran.

Pameran berkenaan mengetengahkan koleksi hasil karya kaligrafi dari PPKKI-YSHHB, IRCICA, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Karya-karya kaligrafi daripada para pemenang Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024 anjuran bersama YSHHB dan IRCICA juga turut dipamerkan.

Dua pakar kaligrafi Islam, iaitu Efdaluddin Kilic dari Republik Türkiye dan Belaid Hamidi dari Maghribi juga mempersembahkan tatacara atau demonstrasi penulisan kaligrafi.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTm berkenan bergambar ramai

bersama Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Majlis UNISSA; Ahli-ahli Majlis KUPU SB; pegawai - pegawai daripada IRCICA, para juri dan pemenang Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024 serta para pembentang bengkel sepanjang Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa NBD 2024.

Dengan tema 'Pemberdayaan Seni Kaligrafi Islam', Mahrajan atau festival berkenaan bertujuan untuk mengembangkan penyebaran ilmu seni kaligrafi ke pelosok serantau dan meningkatkan kesedaran umat

Islam di negara-negara serantau dan antarabangsa terhadap kepentingan seni kaligrafi Islam dalam pelbagai aspek.

Mahrajan berkenaan bersifat ilmiah yang dihasratkan bagi membuka ruang kepada pakar-pakar dan tenaga mahir tempatan dan luar negara berkumpul dan berkongsi pandangan dan memberikan tunjuk ajar yang setentunya dapat membantu dalam mengembangkan ilmu seni khat atau kaligrafi dan kesenian Islam kepada pencinta seni khat khasnya dan kepada orang awam amnya.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pameran dan tatacara atau demonstrasi penulisan kaligrafi (atas dan kanan).



Kembangkan ilmu seni Islam melalui penulisan kaligrafi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dalam sembah alu-aluan menyembahkan bahawa antara lain tujuan Mahrajan Kaligrafi Islam

Antarabangsa berkenaan diadakan adalah sebagai satu usaha dalam penyebaran Islam melalui pengembangan ilmu seni Islam khususnya penulisan kaligrafi Islam atau disebut sebagai khat.

Pada Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (NBD) 2024 (BDIICF

2024) yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Yang Berhormat seterusnya menyembahkan pendekatan usaha murni berkenaan dapat memberikan sinergi ke arah mencapai Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya melalui penguasaan penulisan khat.

Yang Berhormat juga menyembahkan, Mahrajan Kaligrafi Islam Perdana Antarabangsa mengandungi pelbagai pengisian yang bersifat ilmiah antaranya pembentangan kertas kerja daripada beberapa pakar kaligrafi dalam dan luar negara termasuk bengkel tunjuk ajar jenis-jenis tulisan khat dan juga seni reka lakaran Islam.

Sembah Yang Berhormat lagi, Mahrajan Kaligrafi Antarabangsa berkenaan adalah kerjasama pihak Islamic Research Centre and Islamic Art, History and Culture (IRCICA) yang dinilai tambah dengan pertandingan seni khat peringkat serantau

Asia.

Yang Berhormat juga menyembahkan, sebanyak 114 buah penyertaan diterima dari 12 buah negara Asia yang termasuk negara Jepun, Republik Islam Pakistan dan Republik Uzbekistan.

"Selain dari orang ramai yang akan hadir ke acara Mahrajan Antarabangsa ini, beberapa perwakilan dari persatuan-persatuan dan institusi pengajian yang berhubung kait dengan kaligrafi Islam, termasuk orang perseorangan dari negara-negara jiran seperti Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura juga hadir bagi menimba dan berkongsi ilmu melalui sesi pembentangan dan bengkel yang diatur selama tiga hari ia diadakan.

"InsyaAllah, dapatan dari pembentangan-pembentangan dan juga bengkel-bengkel itu nanti akan dibukukan dan menjadi sebagai salah satu sumber rujukan ilmiah dan pengkajian ke arah usaha memperkembangkan lagi penulisan kaligrafi Islam di NBD khususnya dan ke pelosok dunia



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dalam sembah alu-aluannya.

amnya.

"Mudah-mudahan usaha murni dan sumbangan ikhlas dari setiap pihak yang sama-sama membantu dalam mengungkayahkan dan menjayakan acara ini akan mendapat balasan berganda dari Allah Subhanahu Wata'ala dan akan menambahkan lagi berkat dan rahmat kepada NBD sebagai sebuah Negara Zikir," sembah Yang Berhormat lagi.



ANTARA yang hadir pada Majlis Perasmian Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

BINCANG ASAS PERNIAGAAN, KEPIMPINAN SERTA TEKNOLOGI MASA HADAPAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah berangkat pada Forum SME Town Hall (kiri), manakala gambar kanan, forum bertemakan 'Aiming Higher : How to Navigate a Changing Landscape' diselenggarakan oleh Asia Inc forum dengan kerjasama Bank Baiduri di bawah Program TRANSFORM 2024.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Oktober. - Peperangan berterusan telah menjelaskan cara dan trend globalisasi kita, menonjolkan kelemahan rantaian bekalan global yang menyebabkan peningkatan kos pembuatan dan pembinaan.

Justeru itu, bagi mengharungi

halangan memerlukan masa, kepintaran dan keazaman. Walaupun selepas mengatasi cabaran tertentu, cabaran baharu pasti akan timbul dan seterusnya menimbulkan beban ketidakpastian.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersabda demikian pada Forum SME Town Hall yang berlangsung di Hotel Radisson, di sini.

Dalam sabda Yang Amat Mulia selaku Pengerusi Bank Baiduri menjelaskan, ketegangan geopolitik mewujudkan kesan

yang tidak dapat diramalkan merentas pasaran dan industri.

Kini sabda YAM, tumpuan yang diberikan kepada teknologi seperti Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), mungkin boleh menyebabkan kelebihan beberapa peranan dalam organisasi.

Selain membuat keputusan teknologi yang jelas dan tegas, sabda YAM lagi, pemimpin juga bertanggungjawab untuk menerima cara mereka menguruskan peralihan berkenaan.

YAM seterusnya bersabda, kita mesti belajar cara menyesuaikan diri dan cara memimpin serta memperkasa dalam perniagaan.

Forum bertemakan 'Aiming Higher : How to Navigate a Changing Landscape' diselenggarakan oleh Asia Inc forum dengan kerjasama Bank Baiduri di bawah Program TRANSFORM 2024.

Seramai 175 pengusaha perniagaan, pengasas, usahawan dan pengurus Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) daripada pelbagai industri hadir pada acara berkenaan yang membentuk pelbagai sektor ekonomi di negara ini.

Acara seharian berkenaan juga memfokuskan kepada perbincangan daripada ahli panel dari dalam dan luar negara mengenai asas-asas perniagaan, kepimpinan, perubahan tenaga kerja serta teknologi dan masa hadapan.

Terus tingkatkan kualiti, piawaian amalan penjagaan kesihatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada World Pharmacy Day 2024 yang diadakan di Lobi Utama, Pusat Pakar Pantai Jerudong.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Pada masa lalu, peranan profesional farmasi tegas Yang Berhormat selaku Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Farmasi Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), mungkin dianggap sebagai mendispens ubat semata-mata.

"Walau bagaimanapun, kami menyedari bahawa di belakang kaunter terdapat penyepaduan tanggungjawab yang kompleks, proses dan usaha kolaboratif dengan profesional penjagaan kesihatan untuk memastikan

kualiti dan keselamatan penggunaan ubat untuk pesakit," ujar Yang Berhormat lagi.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menyeru agar Farmasi JPMC secara berterusan untuk terus meningkatkan lagi kualiti dan piawaian amalan untuk memenuhi peranan profesional yang semakin berkembang merentasi kemudahan penjagaan kesihatan yang dilayaniinya.

Yang Berhormat menyatakan, selama bertahun-tahun, Farmasi JPMC telah memulakan usaha kolaboratifnya seperti Program Pengawasan Antibiotik (ASP) untuk memerangi peningkatan global dalam rintangan antimikrobal, meningkatkan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa menyampaikan ucapan.

pengawasan keselamatan ubat dan polisi dan prosedur yang ditetapkan mengenai Pengurusan dan Penggunaan Ubat (MMU) sebagai hospital Suruhanjaya Bersama Antarabangsa (JCI) yang diiktiraf.

"Dedikasi mereka, usaha tanpa henti untuk kecemerlangan dan penjagaan penuh belas kasihan terhadap pesakit adalah sumbangan penting kepada standard penjagaan pesakit JPMC yang tinggi," tambah Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Farmasi JPMC, Stephanie Lee dan seterusnya ucapan perasmian oleh tetamu kehormat.

TID ROLLOVER pada 24 November 2024

APA kah yang terjejas akibat TID Rollover ini?

Tetapan semula sistem yang berlaku di seluruh dunia pada 24 November 2024.

Meter prabayar yang ada pada masa ini akan menolak token yang dijana selepas tarikh ini disebabkan kaunter dalaman mencapai hadnya.

SIAPA kah yang menggunakan meter STS (token) seluruh dunia iaitu seperti meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY.



KENAPA kah penukaran meter perlu dilakukan?

Meter berjenama STAR, INHE dan PLESSEY dimestikan untuk ditukar kepada Meter Pintar kerana Sistem Meter Pintar (USMS) tidak berdasarkan sistem token.

APA kah yang patut dilakukan jika Jenama meter saya STAR, INHE & PLESSEY?

Berikan kerjasama kepada pihak yang berkenaan dalam menjayakan Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS

Layari laman sesawang dan Instagram Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) untuk mengikuti perkembangan mengenai TID Rollover.

www.des.gov.bn [desbrunei](#)

Hubungi DST Network Sdn Bhd bagi tempahan slot untuk penukaran Sistem Meter Pintar (USMS)

[Talian Darussalam - 123](#)

Penerangan lanjut mengenai TID Rollover, sila layari laman sesawang rasmi Persatuan STS di www.tidrollover.com

Acara kemudian diakhiri dengan upacara memotong kek, diikuti dengan lawatan ke gerai-gerai dan Farmasi JPMC/PJSC.

Sebagai bahagian penting hospital, Farmasi JPMC memainkan peranan penting dalam operasi mereka, dan JPMC turut berbesar hati menggunakan kesempatan itu untuk menyatakan penghargaannya atas dedikasi jabatan.

Di samping itu, Jabatan Farmasi berpeluang menganjurkan hari penuh peristiwa ini untuk menghargai dedikasi Farmasi

JPMC dalam memastikan keselamatan pesakit dan penjagaan yang cemerlang, sambil meningkatkan kesedaran tentang peranan, tanggungjawab dan kepakaran mereka dalam memastikan kesihatan yang lebih baik, selaras dengan tema tahun ini.

Turut hadir ialah Ahli Lembaga JPMC, pegawai kanan Kementerian Kesihatan, JPMC, PJSC, Gleneagles JPMC, Fakulti Farmasi Universiti Brunei Darussalam, dan ahli farmasi dari sektor swasta.

INISIATIF MENCERMINKAN KESATUAN, PERPADUAN MASYARAKAT

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



>> Muka 1

Sikap ini telah dapat membantu kerajaan dalam membiayai bukan sahaja kos pemeliharaan infrastruktur masjid tetapi juga dalam melaksanakan rancangan - rancangan mengimarahkan masjid ini.

Yang Berhormat Menteri Hal

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berucap pada majlis berkenaan.

Ehwal Ugama juga difahamkan bahawa AJKT Masjid SSBRPAD sedang meneroka untuk mengorak langkah bagi memajukan tanah lapang yang diberikan kepada masjid ini bagi menyediakan tambahan letak kereta dan sekali gus mengoptimumkan penggunaan tanah berkenaan.

"Saya amat menghargai akan usaha berterusan AJKT masjid ini melaksanakan Program Majlis Ilmu bagi mengimarahkan masjid ini sejak perasmianya 10 tahun yang lalu.

"Sehubungan ini, saya mengalau-alukan rancangan AJKT untuk memperkasa dan

meningkatkan lagi pelaksanaan Majlis Ilmu menerusi Program Tadabbur Al-Quran dan menjadikannya sebagai satu program Majlis Ilmu yang diutamakan sempena Sambutan 10 Tahun Masjid ini," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa Majlis Perasmian Hiasan Dalaman di ruang sembahyang utama masjid berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berharap dengan adanya rancangan-rancangan mengimarahkan masjid ini akan dapat perkembangan positif para belia di negara ini yang sudah mula melibatkan diri dalam kegiatan

mengimarahkan masjid dan juga AJKT masjid-masjid akan dapat memberikan sokongan padu dan kerjasama erat serta memberikan kepercayaan kepada para belia untuk menyertai kepimpinan dan pengurusan masjid.

Terdahulu, Yang Berhormat mengucapkan syabas dan tahniah kepada AJKT Masjid SSBRPAD kerana dapat melaksanakan Projek Hiasan Dalaman Masjid ini bersama dengan Yayasan Restu Malaysia sempena Ulang Tahun Ke-10 masjid berkenaan dan dalam masa yang sama memanfaatkan kebolehan tenaga kaligrafi dari Pusat Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Perasmian Hiasan Dalaman Masjid SSBRPAD



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Hiasan Dalaman di ruang sembahyang utama masjid berkenaan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (atas). Manakala gambar bawah, Yang Berhormat menandatangani plak perasmian hiasan dalaman tersebut.

MANGGIS / MADANG, Jumaat, 18 Oktober. - Dalam usaha untuk penambahbaikan Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang bersempena meraikan Ulang Tahun Perasmianya Ke-10, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid berkenaan dan atas inisiatif mereka telah mengadakan lawatan ke beberapa buah institusi dan masjid di luar negara bagi memfokuskan mereka kepada hiasan dalaman dan seterusnya bermuafakat dengan Yayasan Restu, Malaysia iaitu sebuah institusi terkenal dengan penerbitan mushaf Al-Quran dan Pusat Seni Warisan Islam, seni

kaligrafi, reka bentuk motif budaya kebangsaan.

Sebanyak BND226,250 telah dilaburkan untuk Projek Hiasan Dalaman Masjid SSBRPAD yang mengandungi kerja-kerja untuk menghias keempat-empat bahagian dalam dinding masjid dan bahagian luar pintu masuk utama masjid dengan ayat-ayat Al-Quran yang telah dipilih, Asmaul Husna dan zikir-zikir.

Sehubungan itu, AJKT Masjid SSBRPAD telah mengadakan Majlis Perasmian Hiasan Dalaman di ruang sembahyang utama masjid berkenaan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menandatangani plak perasmian

hiasan dalaman tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan ayat Al-Quran oleh Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid dan tafsiran ayat disampaikan oleh Awang Ruzaini bin Haji Mohd. Rozey.

Penasihat AJKT Masjid SSBRPAD, Dato Paduka Haji Md. Said bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim selaku Pengerusi Projek Hiasan Dalaman Masjid SSBRPAD, dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa pembinaan Masjid SSBRPAD ini telah menambah lagi usaha penyebaran syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Masjid ini, ujarnya lagi bukan sahaja menyumbang ke arah menyemarakkan syiar Islam malah telah dapat berfungsi sebagai tempat yang dapat menyatupadukan penduduk dari kedua-dua buah Kampung Manggis dan Kampung Madang untuk melaksanakan rancangan yang berkebajikan, peribadatan dan tempat pengembangan ilmu pengetahuan.

Masjid SSBRPAD ini telah bertukar wajah dari 10 tahun yang lalu dan sekarang melangkah dengan lebih yakin untuk menarik

lebih ramai jemaah untuk beribadah dan menyertai aktiviti - aktiviti yang diungkayahkan oleh AJKT masjid berkenaan.

Selain itu, AJKT juga akan berusaha dengan penuh iltizam untuk meningkatkan lagi Program Majlis Ilmu demi untuk mengimarahkan masjid ini dan

seterusnya telah membuat komitmen sebagai tanda aras Sambutan Ulang Tahun Ke-10 perasmian masjid ini untuk mengangkat Program Tadabbur Al-Quran sebagai salah satu Program Majlis Ilmu.

Reka bentuk hiasan dalaman ini menggunakan motif tempatan masjid ini iaitu buah dan Bunga Manggis 'Garcinia Mangostana' dan Bunga Madang 'Beilschmieda' dan motif yang terdapat dalam perhiasan pengantin lelaki iaitu 'Pending' dan perhiasan pengantin perempuan iaitu 'Serbang'.

Kesemua motif ini telah diadun dengan rapinya bagi melahirkan reka bentuk yang menjadi penghias ayat-ayat Al-Quran, Asmaul Husna dan kalimah zikir yang begitu unik dan khusus untuk Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat telah dibacakan oleh Awang Muhammad Khairuzan Amali bin Haji Kamsani. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.



جامعة كلية جوهرة بروني للسلام

BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ● ○ ○

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabut dan cuaca yang gelap

bruneiweather
 @brunei.weather
 Weather Line 114
 www.met.gov.bn

PENJAGAAN PALIATIF TANGGUNGJAWAB BERSAMA



BERAKAS, Jumaat, 18 Oktober. - Seramai 100 orang telah menghadiri Ceramah Khas anjuran Pantai Jerudong Specialist Centre



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

(PJSC) bagi memperingati Kempen Hari Penjagaan Hospis dan Paliatif Sedunia 2024 yang berlangsung di Setia Point Berakas, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Majlis Sambutan Hari Hospis dan Paliatif Sedunia 2024 ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Terdahulu, acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Unit Onkologi Perubatan dan Penjagaan Paliatif, Dr. Awang Haji Zulkhairi bin Haji Mohammad yang juga selaku Pengerusi Majlis.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada penaja



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Hospis dan Paliatif Sedunia 2024 (atas dan kiri). Sementara gambar bawah kiri, Ceramah Khas disampaikan oleh Mizi Wahid.

utama termasuk Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sebagai Penaja Emas; Setia Point sebagai Rakan Kongsi Tempat : Ilma Event dan The Coffee Bean & Tea Leaf sebagai Rakan Acara, Advansse Distribution, IBIC Sdn. Bhd. (Sehat), Taurean Bakeshop & Calle, dan Cataleya Trading Company sebagai penaja untuk Hari Hospis dan Penjagaan Paliatif Sedunia 2024.

Majlis turut diserikan dengan Ceramah Khas yang bertajuk 'Carer Fatigue : Addressing the Needs of Those Who Care', disampaikan oleh Mizi Wahid iaitu penceramah motivasi terkenal dari Singapura.

Ceramah tersebut menggariskan cabaran emosi, fizikal dan rohani yang dialami oleh penjaga dan menumpukan kepada perlindungan kesihatan sejagat

dan penjagaan kesihatan dan dalam menjalani proses penjagaan pesakit sekaligus menyokong emosi mereka.

Dalam ceramah itu juga memberikan pandangan mendalam tentang penjagaan mental, fizikal dan rohani yang boleh dimiliki oleh individu. Beliau seterusnya menerangkan tentang keletihan, kelesuan dan tekanan yang sering diabaikan yang dihadapi oleh penjaga pesakit setiap hari, menawarkan strategi penjagaan diri praktikal yang berteraskan nilai-nilai Islam.

Mesej tersebut memberi kuasa kepada penjaga untuk mengimbangi kesejahteraan mereka sambil mengekalkan peranan, memberikan kekuatan dan tujuan mereka.

Kempen Hari Penjagaan Hospis dan Paliatif Sedunia memberi

tumpuan kepada kepentingan belas kasihan, maruah dan sokongan, bukan sahaja untuk pesakit tetapi juga untuk penjaga mereka.

Dengan mengiktiraf peranan mendalam yang dimainkan oleh penjaga, PJSC terus berusaha dalam memupuk persekitaran di mana penjaga terus berasa dihargai, disokong dan dilengkapi dengan alatan untuk menjaga diri mereka sendiri dan orang tersayang.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; kumpulan pengurusan kanan PJSC, kakitangan PJSC dan ahli keluarga serta penjaga dari YASKA Brunei, SMARTER Brunei dan Demensia Brunei.

Pemenang membaca Al-Quran senegara PPPBD terima hadiah



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Senegara Pandu Puteri Brunei Darussalam Tahun 1446H / 2024M bertempat di Dewan Tarbiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Oktober. - Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) dengan kerjasama Unit Pemimpin Muda Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) petang tadi mengungkayahkan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Senegara PPPBD Tahun 1446H / 2024M bertempat di Dewan Tarbiah, KUPU SB, di sini.

Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Senegara ini melibatkan penyertaan ahli-ahli persatuan dari semua peringkat dari Daerah Brunei dan Muara (DBM), Daerah Tutong dan Daerah Belait. Seramai 21 peserta telah mara

ke pertandingan peringkat akhir dalam lima kategori yang dipertandingkan.

Empat peserta bagi Kategori Pandu Puteri Tunas; empat peserta bagi Kategori Pandu Puteri / Pandu Puteri Ranjer; lima peserta bagi Kategori Pemimpin Muda; empat peserta bagi Kategori Pemimpin Dewasa; dan empat peserta bagi Kategori Ahli Majlis / Pesuruhjaya telah pun memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran masing-masing pada 6 Oktober 2024 bertempat di Ibu PPPBD, Anggerek Desa, Berakas.

Antara atur cara majlis ialah ucapan alu-aluan oleh Ketua Pesuruhjaya PPPBD juga selaku Pengerusi Bersama Majlis, Dayang

Norazrina binti Haji Sarbini, seterusnya ulasan Hakim Pertandingan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani, juga selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Sejurut itu, persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada johan bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Kemuncak majlis ialah penyampaian hadiah kepada para peserta dan hakim-hakim pertandingan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Awang Haji Asbi.

Johan bagi Kategori Pandu Puteri Tunas disandang oleh Dayangku Latheefah binti Pengiran Haji Muhammad Lizam dari Sekolah Persediaan Arab BSB, sementara

Kategori Pandu Puteri dan Pandu Puteri Ranjer dijuarai oleh Dayang Nur Bazilah Syahdina@Nur Ramadhani binti Haji Mohamad Aslenan dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Manakala johan bagi Kategori Pemimpin Muda pula disandang oleh Dayang Nur Irdina binti Sarudin dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali, sementara Kategori Pemimpin Dewasa dimenangi oleh Dayang Lina Musfirah binti Haji Abdul Wahab dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, dan Dayang Hamizah binti Haji Tahamit selaku Penolong Pesuruhjaya DBM menjuarai dalam Kategori Ahli Majlis dan Pesuruhjaya.

Di samping kegiatan-kegiatan perkembangan kemahiran, kemasyarakatan dan kebudayaan,

PPPBD turut aktif dalam mengungkayahkan kegiatan-kegiatan yang bersifat kerohanian dan keagamaan yang melibatkan penyertaan ahli-ahli dari semua peringkat.

Ini bersesuaian dengan misi persatuan untuk membolehkan ahli-ahli mengembangkan potensi diri sepenuhnya.

Majlis seumpama ini diadakan antara lain bersemepena Sambutan Hari Pandu Puteri PPPBD bagi tahun 2024, selain memupuk budaya membaca, memahami dan mendalami Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan dan mendidik ahli-ahli persatuan dari aspek kerohanian, dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan memupuk perasaan muhibah dalam kalangan ahli persatuan.

LOGO BRUNEI WOOD PRODUCT DILANCARKAN



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Ekspo Produk Perkayuan 2024 dan Pelancaran Logo Brunei Wood Product (atas dan kanan).



Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

SUNGAI HANCHING, Khamis, 17 Oktober. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perhutanan hari ini menganjurkan Ekspo Produk Perkayuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2024 yang telah disambut pada 21 Mac tahun ini.

Ekspo ini bertujuan sebagai platform dalam meningkatkan industri perkayuan di negara ini selain memperkenalkan dan mempromosikan produk perkayuan tempatan demi membantu para syarikat dan pengusaha perkayuan tempatan untuk membangunkan dan mengembangluaskan keupayaan serta penghasilan perusahaan mereka.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya selaku Pengurus Majlis semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Perasmian Ekspo Produk Perkayuan Negara Brunei Darussalam bertempat di Ruang Utama Aras Bawah dan Tingkat 1, Pusat Membeli-belah OneCity, Kampung Sungai Hanching, di sini.

Menurut Awang Reni, ini adalah merupakan kali ketiga ekspo ini diadakan dan ia disertai oleh 21 Pengusaha Kecil dan Mikro produk hiliran perkayuan yang akan memamerkan produk-produk perkayuan yang mereka hasilkan sendiri seperti perabot kayu yang beraneka bentuk, kraf tangan yang

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

kreatif dan produk kemas hiasan rumah.

"Ekspo ni juga disertai dan didukung oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan Bank Usahawan di mana juga memainkan peranan penting dalam membantu dan memperkuatkan Pengusaha Kecil dan Mikro di Negara Brunei Darussalam melalui kerjasama dan sokongan yang holistik.

"Adapun ekspo yang dikendalikan kali ini akan disertakan dengan acara pelancaran logo bagi produk-produk perkayuan iaitu Logo Brunei Wood Product. Sukacita dikongsikan bahawa logo ini akan digunakan pada setiap produk perkayuan tempatan yang menandakan bahawa produk kayu tersebut telah mendapat seal of approval dari Jabatan Perhutanan yang mengesahkan bahawa produk tersebut adalah buatan tempatan (Brunei) yang telah diiktiraf berkualiti tinggi," tambahnya.

Awang Reni seterusnya melahirkan harapan agar dengan penggunaan logo ini, ia akan dapat mengangkat lagi imej produk-produk perkayuan tempatan ini di peringkat nasional dan juga antarabangsa, dengan penekanan dibuat ke atas penggunaan bahan kayu yang dibekalkan dari sumber hutan yang mampan (sustainable) dan boleh dikesan sumbernya (traceable).

Majlis kemudian menyaksikan Perasmian Ekspo Produk Perkayuan 2024 dan Pelancaran Logo Brunei Wood Product oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku tetamu kehormat majlis.

Penggunaan Logo Brunei Wood Product adalah merupakan inisiatif Jabatan Perhutanan dalam memperkenalkan hasil produk kayu keluaran tempatan dan memberi pendekatan kepada orang ramai mengenai produk perkayuan tempatan yang berkualiti tinggi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya melawat petak-petak pameran dari Jabatan Perhutanan, BEDB, Bank Usahawan dan syarikat-syarikat pembuatan produk perkayuan tempatan yang menyertai ekspo tersebut.

Turut dipamerkan adalah produk-produk perabot kayu tempatan yang dipertandingkan bagi Pertandingan Pembuatan Perabot Kayu sempena Hari Hutan Antarabangsa 2024 yang dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan, KSSUP. Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan pembuatan perabot kayu ini akan diadakan pada 19 Oktober 2024.

Orang ramai juga berpeluang untuk menyaksikan produk-produk perkayuan tempatan semasa ekspo tersebut yang berlangsung selama empat hari bermula 17 hingga 20 Oktober 2024.

Turut hadir pada majlis perasmian itu ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab dan Timbalan Setiausaha Tetap II KSSUP, Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim.



PEMANGKU Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya menyampaikan ucapan alu-aluannya.

HALUAN

>> Muka 2

Pada ketika ini, saya ingin menekankan peranan penting yang dimainkan oleh semua fasiliti penjagaan kesihatan dalam mengekalkan standard tinggi kesiapsiagaan resusitasi, di bawah kepimpinan Pengarah Klinikal, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Perubatan mereka. Melalui Jawatankuasa Resusitasi yang dilantik, para pemimpin ini mesti memastikan Troli Resusitasi diselenggara dengan baik dan latihan Code Blue diadakan secara berkala untuk membiasakan kakitangan dengan peralatan resusitasi dan aliran kerja sedia ada. Saya gembira untuk menyatakan bahawa beberapa hospital dan pusat kesihatan daerah telah secara proaktif menjalankan latihan yang melibatkan semua kakitangan, termasuk pembersih kontrak dan petugas keselamatan serta menganjurkan latihan atas meja untuk mengenal pasti jurang dalam tindak balas kecemasan. Saya juga dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan merancang untuk menganjurkan bengkel, mengenai pengenalan Senarai Semak Troli Resusitasi untuk jururawat di semua fasiliti.

Kementerian juga mengambil inisiatif untuk membangunkan spesifikasi piawai bagi Automated External Defibrillators (AEDs) dan Manual Defibrillators di seluruh fasiliti penjagaan kesihatan. Penyeragaman ini meningkatkan kecekapan selain memastikan keselarasan bagi profesional penjagaan kesihatan semasa kecemasan dan meningkatkan keberkesanannya. Inisiatif ini akan diperluaskan kepada peralatan resusitasi kritis yang lain, seperti monitor pusat dan alat resusitasi lainnya.

Selain itu, kementerian telah melabur dalam menaik taraf Pusat Resusitasi Kebangsaan, untuk mewujudkan persekitaran latihan yang kondusif untuk fakulti, pengajar dan penyedia, memperkuuh komitmen terhadap standard yang tinggi, dalam latihan resusitasi dan akhirnya meningkatkan hasil rawatan pesakit.

Saya amat berbesar hati untuk mengalu-alukan Pengarah Serantau AHA untuk Asia Pasifik dan China, Alina Zhuang dan Pengarah Pendidikan dan Kualiti AHA untuk Asia Pasifik dan China, Neil Huerbin. Dedikasi mereka untuk meningkatkan latihan resusitasi di rantau ini adalah sangat dihargai, dan saya yakin kapakaran mereka akan membantu Pusat Latihan ini beroperasi pada piawai antarabangsa tertinggi. Kami berterima kasih atas bimbingan dan perkongsian mereka dalam misi kami untuk menyelamatkan nyawa.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang menyumbang dalam penubuhan pusat latihan ini. Ucapan terima kasih saya tujuh kepada Lembaga Resusitasi Negara, yang diketuai oleh Dr. Hajah Lailawati Haji Jumat, atas visi dan bimbingan strategik mereka. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Perkhidmatan Kecemasan dan Ketua RDMU, Dr. Linawati Haji Jumat, bersama pasukannya yang berdedikasi, atas usaha gigih mereka dalam memacu proses permohonan dan memastikan kami memenuhi semua keperluan yang diperlukan. Dr. Linawati juga akan berkhidmat sebagai Penyelaras Pusat Latihan AHA Kementerian Kesihatan, memainkan peranan penting dalam menegakkan piawai tinggi Persatuan Jantung Amerika.

Penubuhan Pusat Latihan Antarabangsa AHA ini bukan sekadar pencapaian Kementerian Kesihatan; ia adalah bukti dedikasi kolektif kami untuk kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan. Pusat ini memberi peluang untuk bekerjasama, belajar dan berkembang sambil berusaha untuk mencapai standard tertinggi dalam latihan resusitasi. Saya menggesa awda semua untuk merebut peluang yang disediakan oleh pusat latihan ini dan menjadi pemimpin dalam latihan resusitasi. Bersama-sama membuat perubahan yang bermakna dalam kehidupan mereka yang dirawat.

Dengan lafadz *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan selawat ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya secara rasmi merasmikan Kementerian Kesihatan sebagai Pusat Latihan Antarabangsa Persatuan Jantung AHA.

Terima kasih.
Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PEMENANG PERTANDINGAN SENI KHAT DIRAIKAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Oktober. - Karya Awang Haji Mohammad Nazir bin Othman berjaya menambat hati juri sehingga dipilih sebagai pemenang juara Pertandingan Seni Khat bersempena Mahrajan Kaligrafi Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam 2024 kali ini.

Manakala Awang Muhammad Riziman bin Haji Usin dan Awang Haji Muhammad Fajri bin Haji Idris memenangi tempat kedua dan ketiga serta Awang Sharil Azrin bin Sipri dan Awang Md. Azizi bin Haji

Md. Jamil masing-masing tempat keempat dan kelima.

Juara memenangi hadiah wang tunai sebanyak BND800, BND600 bagi naib johan dan BND400 tempat ketiga serta tempat keempat dan kelima menerima hadiah BND200 setiap seorang.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah dan seterusnya sijil penyertaan pada majlis bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir dan menyempurnakan penyampaian hadiah dan seterusnya sijil penyertaan kepada penerima pada majlis berkenaan (atas dan kiri).

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengurus Lembaga Tadbir Pusat Pengajaran Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB; dan pegawai-pegawai kanan YSHHB.

Lebih kurang 80 penyertaan diterima bagi pertandingan tersebut dan ia dibukakan kepada para peserta yang mendaftar Mahrajan tiga hari berkenaan.

Selaras dengan hasrat penubuhan Pusat Pengajaran Kesenian dan Kaligrafi Islam

Urusan YSHHB dan juga Timbalan Pengurus Lembaga Tadbir Pusat Pengajaran Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB; dan pegawai-pegawai kanan YSHHB.

Lebih kurang 80 penyertaan diterima bagi pertandingan tersebut dan ia dibukakan kepada para peserta yang mendaftar Mahrajan tiga hari berkenaan.

Selaras dengan hasrat penubuhan Pusat Pengajaran Kesenian dan Kaligrafi Islam

YSHHB (PPKKI-YSHHB) bagi memartabatkan Tulisan Jawi melalui Kaligrafi Islam, PPKKI-YSHHB mengendalikan pelbagai program dan aktiviti dalam bidang seni khat sepanjang tahun untuk disertai oleh orang ramai termasuk penganjuran Pertandingan Seni Khat yang dihasratkan bagi memupuk minat serta mengasah bakat dan kemahiran orang ramai dalam seni khat.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Oktober. - Menopaus bukanlah suatu keadaan atau penyakit. Ia adalah peralihan hidup yang semula jadi bagi menandakan berakhirnya tahun reproduktif wanita dan permulaan bab baru.

Walaupun ia adalah pengalaman yang universal, menopaus tetap menjadi salah satu aspek kesihatan wanita yang paling kurang dibincangkan. Ramai wanita menghadapi fasa ini dalam diam, bergelut dengan cabaran emosi, mental dan fizikal tanpa sokongan, empati dan pemahaman yang layak mereka terima.

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani atas kapasitinya sebagai Timbalan Pengurus Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) menyatakan perkiraan tersebut semasa menyampaikan ucapannya pada Simposium Kesihatan Selepas Menopaus bertempat di Radisson Hotel di ibu negara, hari ini.

Menurut Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka, setiap pengalaman wanita dengan menopaus adalah unik. Ada yang mungkin mengalami simptom ringan, sementara yang lain

menghadapi cabaran yang lebih berat yang mempengaruhi kehidupan harian mereka.

Symptom biasa seperti sensasi panas di tubuh yang muncul secara tiba-tiba, terutama di tubuh bahagian atas, perubahan mood, gangguan tidur dan masalah kesihatan tulang sering diabaikan dalam komuniti kita, di tempat kerja dan juga di rumah kita.

"Namun, kesan menopaus ke atas kehidupan wanita adalah signifikan di mana tiga daripada empat wanita mengalami simptom dan 70 peratus melaporkan tekanan akibatnya.

"Secara profesional, ramai wanita berada di puncak kerjaya mereka pada masa ini, namun 14 peratus mengurangkan waktunya bekerja mereka dan 10 peratus meninggalkan tenaga kerja sepenuhnya disebabkan cabaran berkaitan menopaus.

"Ini menekankan kepentingan pendidikan dan kesedaran. Kita mesti memastikan bahawa wanita mempunyai akses kepada maklumat yang tepat, penjagaan kesihatan yang penuh empati dan sokongan sekeliling yang membolehkan mereka menghadapi menopaus dengan penuh maruah dan keyakinan."

"Adalah sama penting untuk melibatkan lelaki dalam perbincangan ini, sama ada mereka pasangan, ahli keluarga, atau rakan sekerja supaya mereka juga dapat menawarkan pemahaman dan sokongan kepada wanita dalam hidup mereka semasa peralihan ini," jelasnya lagi.

Oleh yang demikian, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka turut menekankan keperluan untuk memecahkan stigma yang mengelilingi menopaus. Selain turut menggalakkan profesional, komuniti dan individu untuk secara

aktif mengambil bahagian dalam kempen kesedaran global ini iaitu dengan berkongsi bahan pendidikan, menganjurkan acara dan memperbanyak post Hari Menopaus Sedunia di media sosial, di mana semua orang boleh menyumbang untuk meningkatkan kesedaran dan menyokong wanita melalui tahap kehidupan yang penting ini.

Terdahulu, menurut beliau menopaus bukan sekadar pengakhiran tetapi permulaan waktu yang baharu, pemerksaan dan penemuan diri. Kebijaksanaan dan pengalaman yang dibawa oleh wanita dalam fasa kehidupan ini bukan sahaja memperkayakan perjalanan peribadi mereka tetapi juga komuniti dan masyarakat yang mereka bantu bentuk selain turut meningkatkan kesedaran tentang menopaus dan menekankan pilihan sokongan yang ada untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan wanita semasa peralihan hidup yang signifikan ini.

Bulan Oktober adalah merupakan bulan kesedaran menopaus, dengan Hari Menopaus Sedunia disambut pada 18 Oktober setiap tahun. Inisiatif global ini didedikasikan untuk memecahkan stigma sekitar menopaus dan meningkatkan kesedaran tentang simptom menopaus dan pilihan sokongan yang tersedia.

Tema Hari Menopaus Sedunia tahun ini, 'Terapi Hormon Menopaus' adalah fokus utama acara yang dianjurkan oleh JPMC. Selaras dengan tema ini, JPMC menganjurkan Simposium Kesihatan Selepas Menopaus dengan tujuan bagi mewujudkan persekitaran sokongan bagi wanita untuk mempelajari lebih lanjut tentang kesihatan mereka semasa tahap pasca-menopaus, meneroka

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) atas kapasitinya sebagai Timbalan Pengurus Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) semasa hadir dan seterusnya menyampaikan ucapan pada Simposium Kesihatan Selepas Menopaus bertempat di Radisson Hotel (atas dan atas kiri).

pilihan terapi hormon terkini serta berinteraksi secara langsung dengan profesional penjagaan kesihatan.

Simposium turut menampilkan ceramah yang menarik bertajuk 'Beyond the Pause: Rediscovering Wellness', yang diketuai oleh Ketua Jabatan & Perunding dalam Unit Obstetrik, Ginekologi dan Perubatan Reproduktif JPMC, Dr. Chitra Karat, yang antara lain menekankan kepentingan perbualan terbuka mengenai menopaus dan keperluan untuk wanita memahami perubahan yang mungkin mereka alami, serta pilihan terapeutik yang tersedia, terutamanya terapi hormon menopaus.

Acara ini dihadiri oleh lebih daripada 100 wanita, termasuk anggota masyarakat serta jemputan istimewa dari Halaqah

Muslimah International dan International Women's Club (IWC), Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, wanita adalah digalakkan untuk mengambil langkah proaktif dalam menguruskan kesihatan mereka, dengan melakukan pemeriksaan berkala turut memainkan peranan penting dalam pengesahan awal potensi masalah kesihatan, yang membawa kepada hasil rawatan yang lebih baik dan peningkatan kualiti hidup.

Sebagai sokongan kepada ini, JPMC menawarkan pakej pemeriksaan pasca-menopaus khas, yang tersedia dari 1 Oktober 2024 hingga 1 November 2024. Untuk membuat janji temu, sila hubungi +673 2611433 sambungan 3000 / 3002 atau e-mel ke gynae.reception@jpmc.com.bn.

Tingkatkan kesedaran, pecahkan stigma tentang menopaus

TINJAU LEBIH DEKAT DESTINASI PELANCONGAN NEGARA



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa mengadakan lawatan ke beberapa lokasi pelancongan di Daerah Tutong (atas dan bawah kiri).

Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Khamis, 17 Oktober. - Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini mengadakan lawatan ke beberapa lokasi pelancongan di Daerah Tutong, iaitu sebagai lanjutan daripada siri lawatan pertama yang diadakan pada 9 Oktober 2024 lalu.

Siri lawatan kedua berkenaan bertujuan bagi menyampaikan misi untuk mengangkat Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai destinasi pelancongan utama bagi memelihara warisan budaya dan semula jadi, selaras dengan prinsip-prinsip kelestarian, di samping membudayakan Sektor Pelancongan yang menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Turut menyertai lawatan berkenaan, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan dari KSSUP.

Lokasi pertama yang dilawati

adalah Kompleks Pasaraneka dan Tamu Tutong yang lebih dikenali sebagai 'Tamu Tutong'. Tamu ini hanya diadakan pada setiap Khamis dan dibuka seawal jam 5.00 pagi.

Terdapat pelbagai barang seperti buah-buahan dan sayur-sayuran segar, bunga-bunga dan hasil tanaman kampung dijual. Selain itu, terdapat gerai makan yang boleh dikunjungi orang ramai pada bila-bila masa.

Tamu berkenaan juga menyediakan tempat bagi Tamu Mingguan Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat MMN seterusnya melintasi Jeti Pekan Tutong sambil diberikan taklimat mengenai perancangan Jabatan Kemajuan Pelancongan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 untuk menaik taraf jeti berkenaan.

Lokasi seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat MMN mengunjungi Gerai Muafakat yang dibina berdasarkan kemauakatan Majlis Perundungan Kampung Kiudang / Mungkom bagi

menggalakkan masyarakat kampung untuk berniaga.

Dengan terbinanya bangunan Gerai Muafakat berkenaan, ia memberi kemudahan kepada masyarakat kampung untuk menjual produk-produk mereka seperti makanan, kraf tangan, hasil kebun dan lain-lain. Rombongan juga berkesempatan untuk menyaksikan keunikan budaya Puak Dusun.

Lawatan diteruskan lagi ke Wasai Bedanu, iaitu merupakan tempat hiking dan lokasi bagi peminat alam semula jadi untuk meneroka pelbagai spesies, termasuk kukang (slow loris) dan pelbagai burung eksotik seperti Blue-eared Barbet, Bornean Brown Barbet dan Red-eyed Bulbul.

Lawatan berikutnya pula ialah ke Eco Ponies Garden, dengan Ahli-ahli Yang Berhormat MMN berkesempatan mengadakan aktiviti riadah dan melawat fasiliti yang terdapat di lokasi berkenaan.

Dari Eco Ponies Garden, lawatan diteruskan ke 7 Rumpun Keluarga Nayan (7RKN) yang menawarkan demonstrasi pembuatan parang serta memperkenalkan warisan budaya Puak kedayan di Daerah Tutong.

Lokasi pelancongan seterusnya ialah ke Bintudoh Greenspring Resort yang merupakan satu destinasi perkhemahan yang menawarkan aktiviti ekopelancongan seperti memancing, berkayak dan zipline.

Semasa musim buah-buahan, resort seluas 15 ekar berkenaan banyak menghasilkan durian, nenas, rambutan, kembayau dan banyak lagi buah-buahan tempatan yang dapat dinikmati oleh para pengunjung.

Lawatan berakhir di Angkasa Oud Agarwood Company, iaitu sebuah perniagaan tempatan yang mengkhususkan pengeluaran dan pembuatan produk gaharu berkualiti tinggi.

Gaharu merupakan kayu resin bernilai tinggi dan dikenali dengan aroma unik yang menggabungkan aroma kayu dengan keharuman yang lembut. Sejak syarikat berkenaan ditubuhkan, ia telah menghasilkan pati minyak gaharu dan sebanyak 20 jenis haruman.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Melindungi Kesejahteraan, Kebajikan Warga Emas'. Tarikh Tutup : 23 Oktober 2024
- 2.'Guru Berkualiti, Negara Maju'. Tarikh Tutup : 30 Oktober 2024
- 3.'Mensyukuri Nikmat Kesihatan'. Tarikh Tutup : 6 November 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

40 PEGAWAI KEMENTERIAN KESIHATAN TAMAT KURSUS INDUKSI

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan semasa berucap pada majlis berkenaan.

BERAKAS, Khamis, 17 Oktober. - Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Perkembangan Sumber



Haji Matassim.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan dan penutup rasmi kursus yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis yang kemudiannya turut menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta kursus.

Objektif Kursus Induksi berkenaan adalah untuk memberi pendedahan serta pengetahuan asas mengenai dasar-dasar dan falsafah negara, misi, visi dan matlamat Kementerian Kesihatan, peraturan-peraturan kerja dalam Perkhidmatan Awam (PA) dan kemudahan-kemudahan dalam PA.

Di samping itu, Kursus Induksi berkenaan juga diharap akan dapat mewujudkan kerjasama sepasukan (teamwork) dalam kalangan pegawai-pegawai, menerapkan unsur-unsur nilai Islam dalam perubatan dan kesihatan serta memperkenalkan budaya dan etika kerja yang positif.

Juga hadir sama pada majlis berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

ANTARA peserta kursus yang hadir.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta kursus.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



Mempertingkatkan kesedaran orang awam terhadap jenayah TIP

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Manila Dialogue merupakan inisiatif antara IACAT dan Kedutaan Besar Netherlands di Republik Filipina sempena memperingati Ulang Tahun Ke-10 Manila International Dialogue on Human Trafficking dalam mana ia dikhususkan kepada Jawatankuasa Kebangsaan yang bertanggungjawab terhadap isu-isu pemerdagangan orang (Trafficking in Persons - TIP) di Negara-negara ASEAN.

Pada mesyuarat kali ini, Negara-negara ASEAN telah bertukar-tukar pandangan dan maklumat mengenai perkembangan terkini dan cabaran-cabaran yang dihadapi khususnya menangani TIP dengan jenayah kekerasan (*forced criminality*).

Semasa mesyuarat tersebut, Awang Zulhusam telah menegaskan bahawa pendekatan NBD dalam memerangi jenayah TIP adalah berpandukan kepada prinsip Maqasid Syariah yang mana mengutamakan pemeliharaan nyawa sebagai salah satu prinsip utamanya.

Selain itu, pendekatan kerajaan melalui pendekatan Whole of Government yang bersistematis adalah untuk memastikan agar semua orang yang berada di negara ini dan tidak mengira warganegara mereka terpelihara

daripada ancaman jenayah tersebut.

Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM juga turut mengongsikan perkembangan terkini mengenai situasi jenayah TIP dan cabaran-cabaran serta usaha-usaha dalam membanteras dan menangani kegiatan jenayah TIP di NBD.

Di antara lain, beliau telah menekankan walaupun kedudukan NBD telah diturunkan dari Tier 2 Watch List kepada Tier 3 di dalam US TIP Report 2024, NBD akan terus komited dalam memperkuuhkan lagi usaha-usaha menangani jenayah TIP dan akan terus mempelajari amalan-amalan terbaik daripada negara-negara jiran yang berada di dalam Tier 1 dan Tier 2.

Sejak penubuhan JKAPO pada Januari 2020, beberapa pencapaian utama telah dicapai dalam usaha negara untuk memerangi jenayah berkenaan seperti mempertingkatkan lagi usaha-agensi - agensi penguatkuasaan dan undang-undang, mereview semula perundangan, menubuhkan strategi nasional dan pembangunan kapasiti.

JKAPO pada masa ini sedang dalam proses memuktamadkan Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai TIP, yang memfokuskan

kepada konteks tempatan. Selain itu, Kerajaan NBD akan terus memastikan pembangunan kapasiti bagi agensi-agensi penguatkuasaan dan undang-undang untuk dipertingkatkan lagi melalui program latihan tempatan dan serantau.

Sebagai sebahagian daripada usaha membanteras dan memerangi jenayah TIP di NBD, Taskforce Program Kesedaran Awam mengenai Anti-Pemerdagangan Orang telah melaksanakan pelbagai program kesedaran untuk meningkatkan lagi kesedaran orang awam terhadap jenayah TIP termasuk di kedutaan-kedutaan negara ini seperti Kedutaan Republik Filipina, Kedutaan Diraja Thailand, Kedutaan Republik Demokratik Timor-Leste dan Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh.

Tujuan utama adalah untuk memberikan kesedaran orang ramai tentang undang-undang berkaitan dengan imigresen, pasport, pemerdagangan dan penyeludupan orang dan hak pekerja.

Awang Zulhusam juga telah mengongsikan bahawa agensi-agensi penguatkuasaan telah meningkatkan bilangan operasi saringan sejak beberapa tahun kebelakangan ini untuk mencegah aktiviti-aktiviti TIP terutamanya dalam kalangan pekerja asing di negara ini.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), Jabatan Perdana Menteri selaku Pengurus Jawatankuasa Kebangsaan bagi Anti-Pemerdagangan Orang (JKAPO) mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat 2nd Manila Dialogue : Regional Meeting of Southeast Asian Inter-Agency Counter-Trafficking Committees (IACAT).

Daripada operasi saringan tersebut, 36 kes setakat ini telah dirujuk untuk penilaian oleh Pasukan Penilaian TIP pada tahun ini. Siasatan dan penilaian yang dilakukan oleh pasukan tersebut telah menghasilkan pendakwaan terhadap dua kes pemerdagangan orang pada tahun 2012 dan 2016 serta satu kes pemerdagangan buruh sedang dalam perbicaraan.

Manila Dialogue telah dipengerusikan oleh the Undersecretary in Charge of the IACAT, Tuan Yang Terutama Undersecretary Nicholas Felix Lopez Ty dengan disertai oleh Negara-negara ASEAN.

Manila Dialogue diteruskan selama dua hari untuk membincangkan serta bertukar-tukar pandangan dan maklumat, perbincangan kerjasama dan hala tuju pencegahan dan pembanterasan jenayah pemerdagangan orang.

PEMBARIGAAN AMALAN TERBAIK KESELAMATAN ELEKTRIK SEKTOR PEMBINAAN

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Khamis, 17 Oktober. - Dalam usaha yang berterusan bagi mempertingkatkan Kesedaran Keselamatan Elektrik di tempat kerja, Jawatankuasa Keselamatan Elektrik (ESCOM) telah menganjurkan acara pembarigaan untuk mempromosikan amalan terbaik dalam keselamatan elektrik khususnya dalam Sektor Pembinaan.

Majlis yang berlangsung di Dewan Teater Utama, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapan alu-aluan daripada tetamu kehormat majlis, industri pembinaan adalah tonggak pembangunan negara dan memastikan keselamatan serta kebolehpercayaan kuasa pembinaan adalah sangat penting.

"Bahaya elektrik adalah salah satu bahaya yang paling biasa di tempat kerja, terutamanya di tapak



ANTARA yang hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Teater Utama, JPM (atas dan kanan).



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafileh Pg. Osman

KUALA BELAIT, Khamis, 17 Oktober. - Dalam memberikan penghargaan bagi pasukan-pasukan yang menyertai Majlis Perhimpunan dan Perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Belait bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penyertaan yang berlangsung di Ballroom Hall, Serikandi Café and Restaurant, di sini.

Penyertaan terdiri daripada lima

kategori iaitu Pasukan Beruniform; Pasukan Sekolah Arab Menengah, Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah, Institut Pendidikan Teknikal (IBTE), Kerajaan dan Swasta; Pasukan Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Belait; Pasukan Syarikat-syarikat Swasta; dan Pasukan Masjid, Surau dan Balai Ibadat, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Persatuan-persatuan di Daerah Belait.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)

Mengenal pasti bahaya elektrik boleh membantu meningkatkan kesedaran tentang akibat atau risikonya. "Risiko pendedahan kepada elektrik sering membahayakan pekerja dan dalam senario yang lebih teruk, membawa kepada kematian. Adalah malang untuk diperhatikan bahawa kematian dan kecederaan di tempat kerja berlaku hampir setiap tahun di Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana kebanyakannya disumbangkan oleh amalan tidak selamat atau pemasangan elektrik yang tidak selamat di tempat kerja," terang beliau.

Seiring dengan Wawasan Brunei 2035, tambah beliau lagi kepentingan penggunaan elektrik yang selamat dengan matlamat untuk mengurangkan kematian berkaitan kerja kepada sifar. Ini memerlukan pendekatan menyeluruh untuk memastikan NBD adalah tempat yang selamat untuk bekerja dan tinggal.

Matlamat utama acara ini

adalah untuk membarigakan dokumen-dokumen Amalan Terbaik Keselamatan Elektrik yang baru diterbitkan, dengan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan memberikan panduan mengenai pemasangan elektrik yang selamat dalam industri pembinaan.

Antara dokumen yang dikemukakan adalah adalah 'Garis Panduan dan Amalan Terbaik untuk Kuasa Pembinaan Bahagian iaitu 1 : Kuasa Pembinaan Sementara', 'Garis Panduan dan Amalan Terbaik untuk Kuasa Pembinaan Bahagian 2 : Generator Mudah Alih Berasingan > 10kVA hingga 1250kVA' dan 'Garis Panduan dan Amalan Terbaik untuk Kuasa Pembinaan Bahagian 3 : Keselamatan Elektrik di Tapak Pembinaan'.

Dokumen-dokumen ini adalah diharapkan dapat menjadi panduan praktikal kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan untuk pemasangan elektrik yang selamat di negara ini.

Jawatankuasa adalah digalakkan untuk terus mengambil pendekatan strategik dan kolektif bagi menangani isu-isu semasa dan akan datang, memastikan pematuhan dengan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 2009 dan peraturan yang relevan.

Tahun kebelakangan ini terdapat beberapa kejadian yang melibatkan kemalangan elektrik ini menekankan keperluan untuk kesedaran yang lebih mendalam dan langkah keselamatan yang lebih ketat untuk meningkatkan kesedaran mengenai risiko pemasangan elektrik dan menangani cabaran keselamatan untuk mengurangkan kecederaan dan kematian di tempat kerja.

Turut hadir, ahli teras dan sokongan ESCOM, pengurusan kanan dan kakitangan SHENA, pengurusan dan kakitangan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat pada acara pembarigaan untuk mempromosikan amalan terbaik dalam keselamatan elektrik khususnya dalam Sektor Pembinaan.

Jabatan Perkhidmatan Elektrik (DES), Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam (AENBD) dan Berakas Power Company Sdn. Bhd., pengurusan dan pelajar dari

institusi pendidikan seperti Institut Pendidikan Teknikal (IBTE) dan Politeknik Brunei serta kontraktor elektrik yang berdaftar dan para konsultan di bawah DES.



Penyampaian sijil penghargaan bagi peserta perarakan Maulud Nabi



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir menyampaikan sijil tersebut kepada penerima dan seterusnya bergambar ramai (atas kiri dan atas).

Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim. Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Majlis diselanjurkan dengan pengisian Ceramah Khas bertajuk 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Pusat

Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahr.

Menurutnya, 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah' bermaksud mencari keseimbangan antara menggunakan akal dan mengikuti wahyu (Al-Quran dan sunnah).

"Secara keseluruhan, prinsip 'Memelihara Akal Berpandukan Sunnah' menekankan bahawa akal harus digunakan untuk memahami dan menerapkan ajaran Islam

dengan cara yang sesuai dengan petunjuk dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini memastikan bahawa setiap keputusan dan pemikiran yang dilakukan tidak hanya cerdas tetapi juga sesuai dengan prinsip-prinsip agama," ujarnya.

Adapun tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan ukhuwah (persaudaraan) dan kerja berpasukan antara warga pejabat dan orang ramai.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-A'raf, ayat 182-183 :

Tafsirnya : "Dan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat keterangan Kami, Kami akan menarik mereka beransuransur (ke arah kebinasaan) dengan cara yang mereka tidak ketahui. Dan Aku memberi tangguh untuk (menyeksa) mereka. Sesungguhnya rancangan balasan-Ku sangatlah teguh".

Anugerah Allah Subhanahu Wata'ala itu datang dalam pelbagai bentuk sama ada dari segi ilmu, harta, pangkat, kesihatan dan seumpamanya. Setiap nikmat ini perlu disyukuri kerana sepatutnya nikmat dan rezeki tersebut menjadikan diri kita lebih dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Namun, anugerah dan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala itu sering sahaja disalahertikan, sehingga ada yang sombang, tidak menjalankan perintah dan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, ketika manusia lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan tidak mengendahkan suruhan, larangan dan peringatan-Nya, maka boleh sahaja Allah Subhanahu Wata'ala membukukan pintu Istidraj kepada mereka.

Istidraj adalah salah satu bentuk nikmat

kesenangan yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada hamba-hamba yang lalai terhadap-Nya. Nikmat yang diberikan berupa ilmu, harta, pangkat dan kesihatan itu adalah dilihat sebagai sebuah bentuk kebahagiaan namun yang demikian itu adalah ujian berbentuk muslihat ataupun perangkap.

Sesungguhnya Istidraj hanya diberikan kepada orang-orang yang terlalu asyik dengan dunia dan lalai dengan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Akibat dosa-dosa yang mereka lakukan, secara tidak sedar telah mengunci hati mereka sendiri daripada menerima hidayah Allah Subhanahu Wata'ala. Mereka dibiarkan mendapatkan kesenangan dunia dan hingga akhir hayatnya mereka tetap tenggelam dalam perbuatan dosa. Allah Subhanahu Wata'ala membiarkan mereka hanyut dalam kesesatan yang nyata agar mereka celaka kerana lalai dalam beribadah akibat sibuk dengan urusan hal ehwal dunia. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 7 :

Tafsirnya : "(Dengan sebab keingkaran mereka), Allah telah mengunci mati hati mereka (sehingga tidak dapat dimasuki oleh kebaikan) dan pendengaran mereka (sehingga tidak dapat mengambil faedah daripada kebenaran yang mereka dengar), sedangkan pada penglihatan mereka ada penutup (sehingga mereka tidak dapat melihat tanda-tanda kebesaran Allah dan tidak mendengar nasihat), dan bagi mereka pula azab yang besar".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyebutkan mengenai Istidraj. Daripada Uqbah bin Amir Radiallahuanhu berkata, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda bersabda :

Maksudnya : "Jika kamu melihat Allah memberikan dunia kepada seorang hamba pelaku maksiat dengan sesuatu yang ia suka, maka sesungguhnya itu hanyalah merupakan Istidraj". (Hadis Riwayat Imam Ahmad)

Istidraj itu tidak datang dengan tiba-tiba. Allah Subhanahu Wata'ala menimpakan Istidraj itu kepada manusia disebabkan oleh perbuatan dan sikap manusia itu sendiri yang kufur terhadap nikmat Allah Subhanahu Wata'ala, mendustakan ayat-ayat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi hamba dunia dalam hati dan jiwa mereka. Perlu diketahui, bahawa antara ciri-ciri

Istidraj dalam Islam itu ialah :

Pertama : Nikmat dunia melimpah ruah meskipun keimanannya turun.

Apabila Allah Subhanahu Wata'ala memberikan nikmat dunia yang melimpah ruah kepada hamba-hamba-Nya boleh menjadikan seseorang itu bertambah keimanannya. Sebaliknya, ketika nikmat demi nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala itu datang silih berganti namun pada masa yang sama keimanannya terhadap Allah Subhanahu Wata'ala turun menurun, maka itu adalah ciri-ciri Istidraj.

Kedua : Rezeki terus bertambah meskipun lalai dalam beribadah.

Ketika seseorang itu meninggalkan ibadahnya dengan sengaja namun rezekinya mengalir terus-menerus. Contohnya, seorang Muslim jarang atau bahkan tidak pernah menuaikan sembahyang fardhu atau enggan mengeluarkan zakat dengan alasan takut hartanya berkurang, namun dalam masa yang sama pekerjaannya berjalan lancar. Dia juga berkecukupan dari segi harta serta menjalani kehidupan yang lebih baik. Sesungguhnya kelancaran rezeki yang diterima itu adalah ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang dinamakan Istidraj.

Ketiga : Hidup berjaya dan tenteram meskipun terus melakukan maksiat.

Orang yang sering melakukan maksiat dan dosa namun Allah Subhanahu Wata'ala tidak pernah memberikan ujian kepada mereka malah tetap menurunkan nikmat-Nya adalah salah satu ciri-ciri Istidraj. Seseorang itu berasa tenang melakukan maksiat kerana tidak sedikit pun nikmat hidupnya terasa berkurangan dan berasa dirinya sebagai manusia yang paling beruntung dan berbangga terhadap apa yang sudah dicapainya. Ini merupakan satu bentuk penangguhan seksa daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Keempat : Tidak ditimpa penyakit meskipun memakan makanan daripada sumber yang tidak halal.

Di dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala telah memberikan kita peringatan dan contoh yang jelas mengenai Istidraj untuk kitajadikan sebagai ikhtiar seperti kisah Firaun yang ditenggelamkan bersama-sama pengikutnya di Laut Merah dan kisah Qarun yang dibenamkan Allah Subhanahu Wata'ala bersama rumahnya dan segala harta kekayaannya ke dalam

perut bumi.

Firaun dan Qarun telah diberikan nikmat kesihatan, kesenangan dan kekayaan yang melimpah ruah, akan tetapi nikmat dunia ini telah menjadikan diri mereka zalim, sombang, angkuh dan bongkok. Akhirnya, mereka telah dibinasakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Adapun antara perkara yang dapat kita lakukan bagi mengelakkan diri daripada Istidraj itu ialah dengan meningkatkan keimanannya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, mengerjakan amal soleh dan berdoa agar terhindar daripada Istidraj. Antara doa yang sering dibaca oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana telah disebutkan dalam sebuah hadis riwayat Imam Bukhari, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu katanya, doa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang paling sering diucapkan ialah :

Maksudnya : "Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada seksa api neraka".

Janganlah kita menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadi lalai dan alpa dengan segala nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana sepatutnya semakin banyak Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan kepada kita nikmat-Nya, maka semakin bertambahlah pula rasa syukur kita kepada-Nya.

Oleh yang demikian, janganlah kita mempersia-siakan setiap nikmat yang kita peroleh itu dengan melakukan perkara-perkara yang boleh mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan demikian, segala nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu akan diberkati dan menjadikan diri kita lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Maka apabila mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kami pun membukakan kepada mereka pintu-pintu segala sesuatu (nikmat kesenangan dan kemewahan) sehingga apabila mereka bergembira dengan segala apa yang diberikan kepada mereka, Kami timpakan mereka (bala bencana) secara mengejut maka ketika itu mereka pun berputus asa (daripada mendapat pertolongan dan rahmat Allah)". (Surah Al-An'am, ayat 44)

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza dilanjutkan

Siaran Akbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Oktober. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza telah dilanjutkan selama enam bulan lagi, iaitu mulai 19 Oktober 2024 sehingga 18 April 2025 untuk orang ramai terus menyalurkan bantuan bagi

meringankan kesengsaraan dan beban penderitaan penduduk Palestin yang terjejas di Gaza.

Pelanjutan berkenaan termasuklah melalui platform kutipan yang tersedia di bawah tabung berkenaan, iaitu kutipan melalui SMS Brunei Prihatin yang dikendalikan oleh Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST Sdn. Bhd.), Progresif Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.; penyediaan tabung-tabung derma di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara, bangunan-bangunan awam,

gedung-gedung perniagaan serta bank-bank dengan kerjasama Persatuan Bank-bank; penganjuran aktiviti-aktiviti amal bagi tujuan kutipan derma berkenaan.

Kutipan keseluruhan dana tabung berkenaan setakat 17 Oktober 2024 adalah sebanyak BND4,774,876.79. Sebahagian daripada kutipan dana berjumlah BND1,399,545 telah digunakan bagi penghantaran bantuan kemanusiaan ke Palestin melalui air-drop dalam bentuk paket makanan yang siap sedia untuk dimakan yang telah dilaksanakan pada 13 hingga 15 Mac 2024.

Oleh itu, baki tabung setakat 17 Oktober 2024 adalah berjumlah BND3,375,331.79.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN
Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

JABATAN HAL EHWAH MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAHAYA ISTIDRAJ

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 14 Rabiulakhir 1446H/18 Oktober 2024M



01. ISTIDRAJ

Salah satu bentuk nikmat kesenangan yang Allah SWT berikan kepada hamba-hamba yang lalai terhadapNya (Contoh: Nikmat ilmu, harta, pangkat dan kesihatan)

Nikmat yang diberikan dilihat sebagai sebuah bentuk kebahagiaan, namun yang demikian itu adalah ujian berbentuk muslihat/perangkap

02. PERLU DIKETAHUI, BAHAWA ANTARA CIRI-CIRI ISTIDRAJ DALAM ISLAM ITU IALAH:

- Nikmat dunia melimpah-ruah meskipun keimanan terus menurun
- Rezeki terus bertambah meskipun lalai dalam beribadah
- Hidup berjaya dan tenteram meskipun terus melakukan maksiat
- Tidak ditimpa penyakit meskipun memakan makanan dari sumber yang tidak halal

03. APA YANG BOLEH KITA LAKUKAN BAGI MENGELOAKKAN DIRI KITA DARIPADA ISTIDRAJ:



Tingkatkan keimanan ke hadrat Allah SWT



Mengerjakan amal salih



Berdoa agar terhindar dari Istidraj

Antara doa yang sering dibaca oleh Rasulullah SAW sebagaimana telah disebutkan dalam sebuah Hadith Riwayat Imam Bukhari, daripada Anas bin Malik RA katanya, doa Nabi SAW yang paling sering diucapkan ialah:

اللَّهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

“Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka.”

دَعَاءٌ مُّمُوهِنٌ كَفْدُ اللَّهِ سُقْيٌ قَرْسَلَامَةٌ دَرْقُدُ بَلَاءٌ دَانٌ سَكْلُ جَنِيسٌ فَيَا كَيْت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَخْمَدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَوةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ 『3 كالي』.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ 『3 كالي』.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا في
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ 『3 كالي』.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَحْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَأَجْبَرُوْتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَسِنِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَلْبَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّذَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَسِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ 『3 كالي』.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي
يَشْفَعُ عِنْهُ
إِلَّا يَادِنَّاهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كَرْسِيهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْوِدُهُ
حَفَظْهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تُخَلِّصُ بِهِ الْعُقْدُ، وَتُنَفِّرُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُفْضِي بِهِ
الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقِي
الْعَمَامَ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى أَلْهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنَعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنِّي،
فَأَغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampuni lahirku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبَرَا وَنَتوَعْنُ سَاعَتِ بَسِرْ كَفْدَ قَعْمَلَنْ (تُولُقْ بَلَاءَ)

(3) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَمِّيْ يَا قَيْوُمُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

Tingkatkan kesedaran kepentingan melaksanakan sembahyang dengan betul



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Bengkel Kesempurnaan Sembahyang sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445 Hijrah.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Rabu, 16 Oktober. - Seramai 54 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menamatkan Bengkel Kesempurnaan Sembahyang sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun

1445 Hijrah yang diadakan selama tiga hari dari 14 hingga 16 Oktober 2024.

Sehubungan dengan itu, petang tadi diadakan Majlis Penutup Bengkel berkenaan dengan penyampaian sijil dan penghargaan kepada para

peserta dan pembengkel bertempat di Kompleks Sukan Jerudong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha oleh Awang Jeffre bin Haji Putih dari Bahagian Kemajuan Syiar Islam.

Seterusnya ucapan aluan oleh Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Bahagian Kemajuan Syiar Islam, KHEU, Awang Haji Aziman bin Haji Awang Zaman selaku Pengurus Bersama Bengkel Kesempurnaan Sembahyang sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1445H.

Atur cara juga turut diserikan

lagi dengan tayangan slaid video sepanjang bengkel dikendalikan. Kemudiannya, diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta dan pembengkel yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Jeffre.

Bengkel Kesempurnaan Sembahyang diadakan antara lain untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melaksanakan sembahyang dengan betul walaupun di mana sahaja berada di samping mempelajari serta menghalusi tatacara berwuduk dan sembahyang ketika bermusafir sama ada di dalam pesawat maupun di kapal laut.

Aktiviti Team Building juga dilakukan pada hari terakhir bengkel bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan komunikasi berkesan dalam pasukan.

HAPUSKAN STIGMA, DISKRIMINASI MASALAH KESIHATAN MENTAL

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad



TUNGKU LINK, Rabu, 16 Oktober. - Sempena Hari Kesihsatan Mental Sedunia 2024, Unit Kaunseling dan Pelbagai Keperluan Pembelajaran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Institut Sains Kesihsatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2024 / 2025 Persatuan Mahasiswa-mahasiswa Universiti Brunei Darussalam (PMUBD) bergabung tenaga menganjurkan Forum ENDxiety; Halt The Storm yang diadakan di Pusat Kesenian Pro Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Penolong Naib Canselor UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid.

Dekan Pelajar, Dr. Mursidi bin Haji Ali dalam ucapannya antara

lain menyatakan kebimbangan adalah sesuatu yang banyak dialami oleh pelajar dan ia adalah respons semula jadi terhadap tekanan, tetapi bagi ramai orang, ia boleh menjadi terlalu berat untuk ditanggung.

"Apabila kebimbangan menjadi berlebihan dan sukar diurus, ia boleh mengganggu kesihatan mental kita. Ia boleh memberi kesan kepada sesiapa sahaja, tanpa mengira usia atau latar belakang, yang boleh membawa kepada perasaan terasing dan tekanan," katanya.

Menurutnya, memahami dan mengenali simptom kebimbangan adalah penting untuk membangunkan strategi menangani yang berkesan, namun ia sering disalah faham atau diabaikan.

Sebenarnya ramai orang termasuk pelajar ujarnya, bergelut dengan kebimbangan, namun, mereka menderita dalam diam kerana takut dicemuh atau diskriminasi.

Di UBD jelasnya, kebimbangan telah menjadi salah satu punca utama pelajar mendapatkan bantuan daripada unit kaunseling yang mana ini tidak sepautnya mengejutkan kerana literatur antarabangsa menunjukkan bahawa kira-kira satu dalam lima orang dewasa mengalami gangguan kebimbangan.

Oleh itu, Dr. Mursidi menggesa semua orang untuk mengambil tindakan tentang bagaimana menyokong kesihatan mental diri sendiri, serta pelajar, keluarga, rakan-rakan dan rakan sekerta di dalam kelas, di tempat kerja, di rumah atau dalam komuniti.

Dengan memupuk pemahaman dan belas kasihan terhadap kesihatan mental tegasnya, kita boleh mencipta ruang di mana individu merasa berdaya untuk mendapatkan bantuan dan mengutamakan kesejahteraan mental mereka.

"Mari kita akui mereka yang mengalami masalah kesihatan mental. Hapuskan stigma dan diskriminasi.

Bersama-sama, kita memperjuangkan kesihatan mental untuk sumber sokongan yang lebih baik dan kesihatan serta kesejahteraan yang berterusan. Ingat, 'Tiada Kesihsatan tanpa Kesihsatan Mental!', tambahnya lagi.

Acara diteruskan dengan forum yang mana para ahli panel



PENOLONG Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid hadir selaku tetamu kehormat pada forum berkenaan (atas), manakala gambar atas kiri, Forum ENDxiety; Halt The Storm diadakan di Pusat Kesenian Pro Canselor, UBD.

jemputan terdiri daripada Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Ketua Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ugama, Awang Muhsin Yusof bin Haji Abdul Majid; Ketua Jabatan Perkhidmatan Psikiatris, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Pengiran Dr. Hajah Fariza Suryani binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; dan Psikologis Klinikal, Kementerian Kesihatan, Dayang Nor Syahmun binti Haji Matassan.

Sementara moderator forum ialah Penolong Profesor, Pensyarah Kejururawatan, UBD, Dr. Deeni Rudita bin Idris.

Forum diadakan dengan harapan untuk memberikan

pendedahan dan persediaan awal kepada pelajar dan kesedaran kepada kakitangan awam tentang bagaimana untuk mengenal pasti, mengurus dan menangani keresahan dengan menggunakan kelengkapan ilmu dan teknik-teknik yang berkesan.

Ia juga untuk galakan sokongan komuniti dan mengurangkan stigma tentang keresahan dan memupuk perbualan topik ini secara terbuka dalam kalangan keluarga, tempat kerja dan komuniti.

Juga hadir, para pegawai utama UBD, pegawai-pegawai, kakitangan dan mahasiswa-mahasiswa UBD, institut pengajian kerajaan dan swasta.

PROMOSIKAN KEWANGAN LESTARI, BERETIKA



Siaran Akbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance



SEKITAR Syariah Advisory Forum yang diadakan di Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam (atas dan kiri).

TUNGKU, Selasa, 15 Oktober. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah menganjurkan Syariah Advisory Forum (SAF) di Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini.

Acara tersebut dihadiri oleh pengamal kewangan dari sektor kerajaan dan swasta.

Forum bertemakan 'Integrating Sustainable Development in Syariah Decision-Making : A Path to Achieving SDGs' itu dihasrat untuk dijadikan sebagai sebuah platform terutamanya pihak berkepentingan dalam industri kewangan yang berkaitan dengan industri kewangan Islam untuk bertukar-tukar pandangan,

pengalaman, dan amalan terbaik. Perbincangan ini bertujuan untuk meneroka sinergi antara prinsip-prinsip Islam dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), serta memupuk pemahaman yang lebih mendalam mengenai penyelarasan prinsip Syariah dengan usaha kelestarian global.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Afero Eswandy Mohamad.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan meningkatkan pemahaman tentang SDGs dan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam kewangan Islam serta integrasinya ke dalam produk

dan perkhidmatan yang mematuhi syariah.

Beliau juga menekankan peranan penasihat dan lembaga syariah dalam mempromosikan kewangan lestari dan beretika, serta menekankan nilai kerangka tadbir urus syariah yang kukuh dalam mencapai objektif pembangunan lestari.

Acara diteruskan dengan pembentangan khas oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Universiti INCEIF, Malaysia, Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd. Azmi Omar.

Ini kemudiannya diikuti dengan sesi panel bertajuk 'Advocating SDGs through Maqasid-Based Islamic Finance Framework', yang

menampilkan Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd. Azmi Omar; Ketua Kewangan Lestari Islam, CIMB Islamic Bank, Malaysia, Arshad Nuval bin Othman; Ahli Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti, Malaysia, Dr. Akhtarzaite binti Haji Abdul Aziz; dan dimoderatkan oleh Pengurus Kanan, Kewangan Syariah, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Awang Khairul Anuar bin Haji Ahmad.

Forum tersebut juga menampilkan perbincangan panel dengan tema 'Maqasid Based Sustainable Development Framework : Use Cases', yang dimoderatkan oleh Dr. Hairul Azrin bin Haji Besar dari UBD School of

Business and Economics, UBD bersama Profesor Emeritus Dato' Dr. Mohd. Azmi Omar; Arshad Nuval bin Othman; dan Dr. Akhtarzaite binti Haji Abdul Aziz.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar, dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di www.bilif.com.bn atau akaun Instagram @BILIF.bn.

SHENA tekankan kepentingan patuhi keselamatan, elakkan kemalangan

Siaran Akbar dan Foto : Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar



AUTORITI Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar semasa menganjurkan program jangkauan mengenai kerangka undang-undang berkaitan dengan peralatan mengangkat dan penggunaan lif dengan selamat (kiri sekali, kiri dan bawah).

undang - undang dan piawaian-piawaian keselamatan bagi memastikan operasi peralatan mengangkat berjalan dengan selamat serta mengelakkan kemalangan.

Program ini secara keseluruhan telah menampilkan pembentangan daripada ahli-ahli pakar, termasuk wakil SHENA dan pembentang jemputan, yang antara lainnya memberikan pandangan bernilai mengenai kerangka undang-undang, keperluan keselamatan, serta kajian dan penerangan berkaitan peralatan mengangkat.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 15 Oktober. - Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah menganjurkan program jangkauan mengenai kerangka undang-undang berkaitan dengan peralatan mengangkat dan penggunaan lif dengan selamat di tempat kerja.

Ini kerana pemasangan lif yang tidak sempurna atau penggunaan lif yang rosak boleh membawa bahaya dan risiko yang serius oleh kerana kekurangan integriti struktur atau rosak pada bila-bila masa yang boleh mengakibatkan kematian.

Tujuan program adalah untuk meningkatkan kesedaran daripada kalangan pihak yang berkepentingan mengenai kepentingan untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan

serta piawaian-piawaian keselamatan yang berkaitan dengan peralatan pengangkat termasuk penggunaan lif dengan selamat di tempat kerja.

Program tersebut telah dihadiri wakil-wakil daripada sektor kerajaan dan badan-badan berkanun seperti ABCi, DME JKR, BAPEQS, JPD, MPABD, kontraktor perkhidmatan lif yang berdaftar di bawah ABCi, syarikat pengangkat, syarikat swasta yang terlibat dalam operasi mengangkat (Sektor Pembinaan, Minyak dan Gas, Automotif), pemilik bangunan, wakil dari pasar raya dan kedai serbaneka serta Pemeriksa

PUPUK MINDA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR IBTE

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



PEMANGKU Pengetua Sentral, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Awang Armi Durani bin Haji Durhman semasa hadir pada Karnival Keluarga IBTE BC yang berlangsung di Kampus Perniagaan, IBTE (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Oktober. - Karnival Keluarga IBTE BC memberi peluang kepada para pelajar untuk mengembangkan idea perniagaan sekali gus sebagai platform dalam memperkenalkan kerja keras, kreativiti dan semangat keusahawanan mereka.

Pemangku Pengetua Sentral, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Awang Armi Durani bin Haji Durhman berkata bahawa dengan melibatkan diri dengan masyarakat melalui karnival tersebut dan mengaplikasikan apa yang

dipelajari di dalam kelas, para pelajar dapat menguji kemahiran dalam persekitaran dunia sebenar.

"Daripada perancangan perniagaan dan pemasaran kepada jangkauan media sosial, setiap langkah adalah peluang berharga untuk belajar, menyesuaikan diri dan berkembang," ujarnya semasa Karnival Keluarga IBTE BC yang berlangsung di Kampus Perniagaan, IBTE, di sini.

Terdahulu dalam ucapannya juga menyentuh mengenai Projek Perniagaan yang merupakan salah

satu modul paling berkesan dalam Sekolah Perniagaan di mana modul tersebut menawarkan pengalaman pembelajaran dunia sebenar, bukan sahaja belajar bermula, tetapi membina dan mengendalikan perniagaan mereka sendiri sekali gus memberi kemahiran yang bermanfaat dalam kerjaya masa depan mereka.

Beliau menambah, Projek Perniagaan bukan hanya untuk mendapatkan gred - ia membina keyakinan serta kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan

mempuk minda keusahawanan yang berdaya tahan.

Karnival Keluarga IBTE BC diadakan selama dua hari bermula hari ini dengan menampilkan 48 vendor daripada pelbagai sektor termasuk makanan, minuman, permainan dan aksesori.

Karnival tersebut merupakan inisiatif yang diterajui oleh pengajar dan kakitangan modul Projek Perniagaan, yang bertujuan untuk memberikan pengalaman dunia sebenar kepada para pelajar.

Melalui modul itu juga, para pelajar berpeluang untuk melancarkan dan mengendalikan perniagaan mereka sendiri, mengubah idea mereka menjadi kenyataan.

Acara tersebut menjadi platform untuk mereka menyerlahkan kemahiran keusahawanan, membolehkan mereka berinteraksi dengan orang awam dan memperoleh pandangan praktikal dalam perancangan perniagaan, pemasaran dan penggunaan media sosial.

Acara dibukakan kepada orang ramai bermula pukul 8.30 pagi hingga pukul 5.00 petang dan orang ramai digalakkan untuk berkunjung dan memberi sokongan kepada para pelajar sambil menikmati pelbagai aktiviti dan tawaran yang disediakan semasa karnival berkenaan.

Berus didapati diperbuat daripada bulu khinzir



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah telah menerima aduan mengenai berus jenis Lint Remover yang dikhuatir diperbuat daripada bulu khinzir.

Susulan aduan tersebut, Jabatan Hal Ehwal Syariah telah menghantar berus tersebut ke Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan untuk dianalisa dan hasilnya, mendapati bahawa berus jenis Lint Remover telah disahkan positif diperbuat daripada bulu khinzir.

Sehubungan dengan ini dan bagi

menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam, Jabatan Hal Ehwal Syariah menasihatkan pemilik dan pengurus premis-premis perniagaan untuk mengasingkan berus tersebut dengan serta-merta dari tempat penjualan kepada orang awam.

Dalam pada itu, para pengguna beragama Islam di negara ini adalah disaran untuk tidak membeli dan menggunakan berus tersebut.

KHEU ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk dan barang gunaan di negara ini supaya

sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap produk-produk dan barang gunaan import yang akan dijual kepada orang ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dan hendaklah memastikan produk-produk yang halal dan suci tidak bercampur dengan produk-produk yang tidak halal.

Ini demi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini daripada terjebak mengambil dan menggunakan produk dan barang gunaan yang tidak halal.

Di kesempatan ini, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada orang ramai di atas maklumat berhubung perkara tersebut. Orang ramai yang ingin membuat aduan serta perkongsian maklumat tentang penjualan produk-produk tidak halal secara terbuka di premis-premis perniagaan, maka bolehlah dibuat terus ke Jabatan Hal Ehwal Syariah melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal melalui Talian Hotline +673 7166222 atau hadir di mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

سوروهنجاۓ فرخدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan maklumat yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan maklumat atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAICKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN
TATATERITIB DAN BOLEH
DITAMATKAN PERKHIDMATAN
DENGAN SERTA-MERTA.




Kenyataan Sebut Harga
Bilangan Sebut Harga:
 30 / JMM / S / 12 / 91
 (2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:
 Sebut Harga bagi Mengganti Enjin Perahu bagi Perahu Berdaftar BG 0397 di Taman Warisan Tasek Merimbun, Jabatan Muzium-Muzium

Bayaran Yuran Sebut Harga:
 BND5.00
 Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
 Khamis,
 14 November 2024,
 Jam 2.00
 Petang.
 
Bilangan Sebut Harga:
 KHEU / JPI / JKS / 11 / 2024-2025

Keterangan:
 Membekal, Menghantar Bahan-bahan Kimia Bagi Makmal Sains Biology dan Chemistry, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

Bayaran Yuran Tawaran:
 BND10.00
 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
 Rabu,
 4 Jamadilawal 1446H /
 6 November 2024M,
 tidak lewat jam 2.00
 Petang.
 
Kenyataan Sebut Harga
Bilangan Sebut Harga:
 31 / JMM / S / 12 / 91
 (2024 / 2025)

Tajuk Sebut Harga:
 Sebut Harga Bagi Pembelian Kamera Dan Video Kamera Serta Aksesori Bagi Kegunaan Projek dan Aktiviti-Aktiviti Arkib Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Muzium-Muzium

Bayaran Yuran Sebut Harga:
 BND5.00
 Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
 Khamis,
 14 November 2024,
 Jam 2.00
 Petang.
 
Makluman Pemberitahuan Tawaran
Bilangan Tawaran:
 MFA / ASSET / T01 / 2024

Tajuk Tawaran:
 General Cleaning Services at Ministry of Foreign Affairs for A Period of Three (3) Years

Kategori:
 S02

Bayaran Tawaran:
 BND50.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
 Selasa,
 12 November 2024,
 Jam 2.00
 Petang.
 
Bilangan Tawaran:
 55 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

Keterangan Projek:

Sebut Harga bagi Kerja-Kerja Mengganti dan Memasang Baharu Lampu Sinta dan Lampu Kawasan Yang Rosak di Bangunan Rumah Persinggahan Kerajaan Kuala Belait, Jalan Maulana, Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
 56 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

Keterangan Projek:

Sebut Harga bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Struktur Barek-Barek Kerajaan JKR No. 768/A9, JKR No.770/A1 dan JKR No.768 / B4 Simpang 36-35, Jalan Derma Wangsa Kg. Mumong Kuala Belait.

Bilangan Tawaran:
 57 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

Keterangan Projek:

Sebut Harga bagi Kerja-Kerja Membaiaki Kerosakan pada Bangunan Pusat Perniagaan Kuala Belait, Jalan Mckerron Kuala Belait.

Bilangan Tawaran:
 58 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

Keterangan Projek:

Sebut Harga bagi Kerja-Kerja Mengganti Baharu pada Tabir Jendela dan Karpet Lantai yang Rosak pada Bangunan Dewan Persidangan Kuala Belait di Jalan Mckerron Kuala Belait

Bilangan Tawaran:
 59 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

Keterangan Projek:

Sebut Harga bagi Kerja-Kerja Membaiaki Kerosakan Barek Kerajaan JKR No.768 / A4 Spg. 36-35, Jalan Derma Wangsa Kg. Mumong Kuala Belait


Bilangan Tawaran:
 JDB / BKPD / SH / 12 / 2024

Tajuk Tawaran:
 Renovation at Dewan Intisar Jabatan Daerah Belait

Yuran Tawaran:
 BND 5.00

Kelas :
 I & II

Kategori:
 B01 & E01

Tarikh Tutup:
 Selasa,
 22 Oktober 2024
 2.00 Petang.
 
Bilangan Tawaran:
 60 / BBS / SH / BKA / 2024 - 2025

Keterangan Projek:

Sebut Harga bagi Kerja-Kerja Membekal, Membuka dan Mengganti Baharu Pendingin Hawa Pada Bangunan-Bangunan Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria.

Dibukakan kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II Kategori S02)
Yuran Tawaran
 BND5.00
 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
 Selasa, 29 Oktober 2024.

Waktu Kaunter Pembayaran
 Isnin – Khamis
 8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
 1.30 Petang – 3.00 Petang

 Sabtu
 8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari-Hari Kelepasan


Bilangan Sebut Harga:
 43 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2024

Tajuk Sebut Harga :
 The Supply, Delivery, Installation, Setup, Configuration, Testing, Maintenance Support, Network Accessories and Commissioning of UTP Network Cabling at Unit Kawalan Makanan Halal, Kompleks Jabatan-Jabatan Kerajaan Kuala Belait, Tingkat 1, Jalan Padang, Kuala Belait

Tarikh Tutup Sebut Harga:
 Rabu,
 30 Oktober 2024,
 Jam 2.00
 Petang.
 

RTB TANDATANGANI PERJANJIAN TAJAAN BINTANG HARMONI 2024



SEKITAR Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama Penaja-penaja Bintang Harmoni 2024 diadakan bertempat di Bangunan Utama, Kompleks Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB), Sungai Akar (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN,

Khamis, 17 Oktober. - Majlis Menandatangani Perjanjian Bersama Penaja-penaja Bintang Harmoni 2024 diadakan hari ini bertempat di Bangunan Utama, Kompleks Penyiaran Radio Televisyen Brunei (RTB), Sungai Akar.

Bagi menandatangani perjanjian, RTB diwakili oleh Pemangku Pengarah RTB, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohd. Kifli, manakala syarikat-syarikat penaja, iaitu Makan Ceria Sdn. Bhd. -

McDonalds Brunei; Pappu Restaurant and Catering; Fitness Zone; Sengkurong Furniture Trading & Construction Sdn. Bhd.; Al-Hijrah Travel and Tours Sdn. Bhd.; Oriente Sdn. Bhd., Encore Sdn. Bhd.; Radisson Hotel Brunei Darussalam; SayCheese Photobooth Studio dan Studio 7 Productions diwakili oleh pengurus atau wakil syarikat masing-masing.

Bintang Harmoni sebelum ini dikenali sebagai Bintang Radio. Pertandingan yang mula dianjurkan pada 1960 berkenaan

merupakan salah satu daripada usaha-usaha berterusan RTB untuk mendukung industri seni tanah air dan mengangkat bakat-bakat tempatan.

Pertandingan Akhir Bintang Harmoni 2024 akan berlangsung pada Sabtu, 26 Oktober 2024, jam 8.00 malam bertempat di Jerudong Park Amphitheatre.

Orang ramai adalah dialulukan hadir menyaksikan dan memeriahkan lagi malam pertandingan. Siaran langsung pertandingan boleh diikuti melalui saluran RTB Aneka dan RTB Go, termasuk rangkaian Radio Harmoni FM.



سورو هنجاي قر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JAWATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**



Seni khat perlu dilakukan secara konsisten, penuh kesabaran



MOHAMMAD Mustafa, Mohammad Abdul Ghoffar dan Nafang Permadi Mulyani Utama (kiri, tengah dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN,

Khamis, 17 Oktober. - Bagi mendapatkan hasil karya kaligrafi khat yang baik, ia bukan sahaja perlu dibuat secara berulang kali tetapi juga perlu dibuat secara konsisten dan mempunyai sifat sabar.

Dengan adanya ciri-ciri berkenaan, seseorang itu akan dapat memperoleh hasil yang diinginkan.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh johan Pertandingan Seni Khat Peringkat Serantau Asia 2024 bagi Kategori Khat Nasakh, Mohammad Mustafa dari Bali, Republik Indonesia semasa ditemui Pelita Brunei baru-baru ini pada Majlis Perasmian Mahrajah Kaligrafi

Islam Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BDIICF) 2024 yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Menurutnya, karya yang dihasilkan mengambil masa hingga sampai satu bulan, dengan menggunakan kertas jenis *hard paper* yang paling disukai oleh peminat kaligrafi klasik dan dakwat Jepun.

Menyentuh mengenai persiapan untuk bertanding jelasnya, ia akan dibuat beberapa bulan sebelumnya dengan membuat pembetulan dalam huruf kerana ia adalah penting dalam persiapan pertandingan seperti ini.

Walaupun sudah dibuat berkali-kali ujarnya lagi, namun masih juga ada kelemahan yang perlu diperbaiki selain membuat pembetulan bersama guru itu adalah wajib.

Sementara itu, Mohammad Abdul Ghoffar dari Republik Indonesia yang dinobatkan sebagai johan bagi Kategori Khat Diwani pula mengongsikan pertandingan berkenaan merupakan kali ketiga beliau ikut serta dan sebelum ini pernah mengikuti pertandingan di Iraq, dan juga di Sabah.

Beliau mula menguasai kaligrafi khat pada 2014, dan mula belajar bersama Ustaz Mohammad Zainuddin yang merupakan anak didik Sheikh Belaid Hamidi, pada 2020.

Tambahnya, adalah penting untuk generasi sekarang khususnya di rantau ini untuk mempelajari tulisan Jawi atau khat kerana ia juga merupakan salah satu kemajuan ugama Islam, dan dalam masa yang sama penghasilan seni kaligrafi khat dapat juga menghasilkan pendapatan seseorang.

Manakala, bagi johan Kategori Diwani Jali, Nafang Permadi Mulyani Utama juga dari Republik Indonesia menjelaskan, kaligrafi khat tidak dapat dipelajari secara cepat (*instant*) dan memerlukan waktu yang lama dan kemudian perlu konsisten.

Selain itu katanya, seseorang itu juga perlu minat yang mendalam dan mempunyai kesabaran yang tinggi dalam menghasilkan kaligrafi

yang berkualiti.

Menyentuh mengenai cabaran yang dihadapi, beliau menjelaskan, kesilapan semasa menghasilkan kaligrafi khat merupakan antara cabaran yang dihadapi, iaitu semasa mula berkecimpung dalam bidang berkenaan.

Tulisan khat yang salah katanya lagi, akan diperbaiki dan dibetulkan bagi menghasilkan karya yang

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

sempurna.

Antara perancangan akan datang ujarnya, ialah ingin menghasilkan kitab suci Al-Quran dengan tulisan sendiri, dan membangun sebuah sekolah kaligrafi agar ramai lagi yang berminat dalam kaligrafi khat berkenaan.



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat



Dadah perosak negara dan bangsa

PENYALAHGUNAAN dadah merupakan isu dan musuh yang besar di mana-mana negara dan tidak terkecuali juga negara kita kerana hal ini mendorong kesan yang buruk kepada diri mereka, masyarakat sekeliling dan kemajuan negara.

Dadah boleh memusnahkan kebahagiaan hidup seseorang. Apabila seseorang menagih dadah, maka gelaplah masa depannya. Penagih dadah tidak dapat bekerja dan menjaga anggota keluarga terutamanya anak-anak. Mereka menjadi terabai dan seterusnya mengundang masalah sosial.

Pada zaman moden ini, golongan muda lebih bebas, terdedah kepada pengaruh asing dan mereka lebih mengutamakan pandangan rakan sebaya. Dengan ini, mereka mudah terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat. Untuk disanjung oleh kawan, mereka menunjukkan keberanian dengan menghisap rokok dan dadah. Sekali mereka bermula, maka amat sukar bagi mereka memberhentikan amalan buruk ini.

Apakah sebenarnya dadah?

Dadah yang fungsi asalnya ialah bahan perubatan merupakan bahan kimia psikoaktif yang mempunyai kesan ke atas sistem saraf pusat seperti menyebabkan keadaan khayal, ketagihan dan gangguan tingkah laku. Penyalahgunaannya yang berterusan mendorong kerosakan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara. Enam jenis dadah yang harus diberi perhatian serius kerana penyalahgunaannya yang meluas – heroin, kokain, ecstasy, kanabis, syabu dan morfin.

Perosak kepada masyarakat, kerugian kepada negara

Apabila muda-mudi terpengaruh oleh

dadah, mereka tidak berguna lagi kepada masyarakat. Antara sebab utama mereka ini menjadi penagih ialah kerana keseronokan, sikap ingin tahu, pengaruh persekitaran terutamanya pengaruh rakan sebaya, tekanan emosi disebabkan oleh sama ada kegagalan, tidak mendapat kasih sayang ibu bapa atau kerana kemewahan. Di samping itu, penagih dadah juga tidak bermaya, lemah serta tidak berkemampuan menguruskan diri sendiri. Pihak masyarakat dan kerajaan terpaksa membeli keperluan untuk usaha-usaha pemuliharan penagih dadah. Oleh itu, negara akan menjadi kurang maju.

Negara akan kerugian juga daripada segi sumber tenaga manusia apabila banyak belia yang menagih dadah. Hal ini demikian kerana tenaga mereka tidak dapat digunakan untuk membangunkan negara. Sebagai akibatnya, pembangunan negara akan terjejas dengan teruknya.

Ini juga selaras dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah melalui video pada Majlis Pelancaran Video Kurnia Sabda sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei pada Selasa, 8 Oktober 2024.

"Penyalahgunaan dadah adalah salah satu isu sosial yang agak membimbangkan dan ianya boleh memberikan impak yang negatif kepada masyarakat sejagat.

Penyalahgunaan dadah boleh mencetuskan pelbagai anasir jenayah seperti isu-isu sosial, kesihatan, jenayah dan sebagainya. Sehingga boleh menjelaskan ketenteraman dan keselamatan masyarakat dan seterusnya, ianya juga boleh menjelaskan masa depan anak-anak muda

kita ke arah yang tidak dihasratkan seperti, daripada kemahuan untuk berekreasi kepada ketagihan dadah".

Menjurus kepada kegiatan jenayah

Penagih dadah yang kekurangan wang untuk membeli dadah sanggup melakukan perkara-perkara di luar jangkaan semata-mata untuk mendapatkan dadah. Seseorang akan kehilangan harga diri dan kehilangan sifat-sifat kemanusiaan akibat pengaruh dadah. Mereka akan merompak dan membunuh untuk mendapatkan wang yang cukup bagi memenuhi tabiat mereka.

Kerjasama masyarakat diperlukan

Tindakan pencegahan dadah yang berkesan memerlukan penglibatan semua golongan masyarakat. Masyarakat harus dididik sejak kecil lagi bahawa dadah itu najis, benda yang kotor dan tidak boleh disentuh. Sekiranya kita berjaya menyemai nilai ini dalam hati sanubari mereka, sebahagian daripada kejayaan pencegahan dadah akan tercapai. Kita harus sedar bahawa tindakan kita ke arah matlamat mencegah penyalahgunaan dadah ini adalah untuk menyelamatkan bukan sahaja keluarga kita sendiri bahkan generasi muda untuk mewujudkan satu bangsa yang bermaruah dan dihormati.

Perkara ini juga turut disabdakan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen melalui video pada Majlis Pelancaran Video Kurnia Sabda sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram bertempat di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, pada Selasa, 8 Oktober 2024.

"Oleh itu, kita haruslah memastikan anak-anak muda kita sekarang mempunyai platform untuk mampu menahan atau


Rencana : Ak. Jeffri Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

mengelakkan diri mereka daripada anasir persekitaran penyalahgunaan dadah dan seterusnya memberikan persekitaran yang lebih positif kepada kehidupan mereka, seperti memiliki gaya hidup yang sihat dan positif".

Masyarakat harus sama-sama menyedari akan kesan pengambilan dadah. Dengan berfikiran rasional, mereka tentu tidak sanggup menerima risikonya yang menakutkan. Antara kesannya ialah mendapat penyakit meningitis, penyakit jangkitan jantung, AIDS, Hepatitis B, C, dan D, kerosakan buah pinggang, otot-otot badan mengecut dan berkemungkinan lumpuh. Kesan fizikal pula ialah apabila sekiranya bekalan dadah tidak diperoleh, mereka akan berasa keluh-kesah dan amat menderita. Mereka akan berperang dengan kematian kerana terdedah dengan penyakit terutamanya penyakit AIDS yang amat digeruni.

Kesimpulannya, kita harus bertekad dengan keazaman yang tinggi untuk memerangi dadah. Najis dadah akan kita kuburkan dan wujudlah suasana dadah sifar. Usaha ini harus disokong dan tidak harus dipulih oleh kerajaan semata-mata. Kita hendaklah bersama-sama bertanggungjawab untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah ini demi keselamatan negara dan kesejahteraan masyarakat umumnya. Marilah kita sama-sama menghapuskan najis dadah yang 'menjanjamkan' masyarakat daripada terus hadir. Kita tiada pilihan melainkan hanya satu slogan di hati dan di minda pada setiap masa iaitu 'Perangi Dadah Habis-Habisan'.

Kita haruslah menangani isu ini secara sepadu. Bersama-sama kita boleh menyediakan sokongan dan peluang yang sangat diperlukan untuk anak-anak muda kita bagi mewujudkan masa depan yang lebih selamat, sihat dan cerah.



Memahami kepentingan persaingan

Rencana dan Infografik : Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

SIRI 2

ARTIKEL ini merupakan Siri Kedua daripada empat artikel bersiri mengenai persaingan, yang dibawakan oleh Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, sebuah badan separa kehakiman yang dimandatkan untuk menggalakkan dan mengekalkan persaingan yang adil di dalam landskap ekonomi Negara Brunei Darussalam, melalui penguatan Akta Persaingan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.ccbd.gov.bn atau hubungi melalui exec.secretariat@ccbd.gov.bn (e-mel) atau +673 2383100 (telefon).

Akta Persaingan Negara Brunei Darussalam : Gambaran Keseluruhan

Pasaran-pasaran kompetitif masa kini diatur oleh pelbagai peraturan dan undang-undang. Dalam keadaan ini, adalah penting untuk memastikan keadilan dan peluang yang sama bagi semua peserta. Oleh itu, undang-undang persaingan menjadi asas kepada ekonomi moden. Ia berfungsi untuk mengekalkan daya saing pasaran sambil melindungi kepentingan pengguna tanpa menyekat inovasi.

Tujuan



Pada asasnya, undang-undang persaingan, yang juga dikenali sebagai undang-undang *antitrust* di beberapa wilayah, bertujuan untuk mempromosikan pasaran yang dinamik dan kompetitif.

Matlamat utamanya adalah untuk mencegah amalan anti-pesaingan yang merugikan pengguna, menghalang inovasi, dan mengganggu kedinamikan pasaran. Dengan menggalakkan persaingan yang adil, undang-undang ini memastikan perniagaan beroperasi di padang yang sama rata, di mana kejayaan ditentukan oleh merit dan kecekapan, dan bukan melalui kelebihan yang tidak adil atau kawalan monopoli.

Di Negara Brunei Darussalam, Akta Persaingan ditubuhkan pada tahun 2015 dengan objektif untuk mempromosikan kecekapan pasaran dan kebaikan pengguna demi membangunkan ekonomi negara ini. Di bawah akta ini, terdapat tiga larangan utama : (i) Perjanjian Anti-Pesaingan, (ii) Penyalahgunaan Kedudukan Dominan, dan (iii) Penggabungan Anti-Pesaingan. Penguatan Akta Persaingan dilakukan secara berperingkat, di mana penguatan larangan pertama, Perjanjian Anti-Pesaingan, bermula pada 1 Januari 2020. Penguatan larangan kedua dan ketiga, iaitu Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dan Penggabungan Anti-Pesaingan, dijangka akan bermula pada tahun 2025. Akta ini merangkumi semua aktiviti komersial dan ekonomi merentasi sektor tanpa mengira pemilikan entiti tersebut. Namun, kerana akta ini bertujuan mengawal tingkah laku peserta pasaran, ia tidak melibatkan mana-mana aktiviti, perjanjian atau tingkah laku oleh kerajaan, lembaga berkanun, atau mana-mana individu yang bertindak bagi pihak mereka.

Larangan-larangan Utama

1. Perjanjian Anti-Pesaingan (Bab 11 Akta Persaingan) :

Bab ini melarang sebarang jenis perjanjian yang mempunyai objektif atau kesan untuk menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan di Negara Brunei Darussalam. Perjanjian ini boleh berbentuk lisan atau bertulis dan tidak perlu mempunyai kesan undang-undang. Contoh perjanjian anti-pesaingan termasuk penetapan harga, di mana syarikat-syarikat bekerjasama menetapkan harga produk, kawalan bekalan yang mengehadkan

akses pasaran, pembahagian pasaran berdasarkan kawasan atau pelanggan, dan penipuan bida yang memanipulasi proses pembidaan. Semua bentuk perjanjian ini dianggap menyalahi undang-undang kerana ia merugikan pengguna dan mengurangkan kecekapan pasaran.



2. Penyalahgunaan Kedudukan Dominan (Bab 21 Akta Persaingan) :

Bab ini berkuatkuasa apabila terdapat bukti mengenai kedudukan dominan serta kelakuan penyalahgunaannya. Sesebuah syarikat boleh dianggap sebagai dominan apabila ia memegang bahagian pasaran atau kuasa yang signifikan dalam sesuatu industri atau sektor tertentu. Walaupun menjadi dominan dalam pasaran, pada dasarnya, bukanlah satu kesalahan, penyalahgunaan kedudukan tersebut adalah dilarang. Apabila syarikat menggunakan kuasa dominan ini untuk melibatkan diri dalam tindakan yang bertujuan atau memberi kesan kepada penghalangan, penyekatan, atau penggangguan terhadap persaingan yang sihat di Negara Brunei Darussalam, ia akan dianggap sebagai melanggar undang-undang.



3. Penggabungan Anti-Pesaingan (Bab 23 Akta Persaingan) :

Bab ini melarang penggabungan yang mengakibatkan pengurangan persaingan

yang ketara di pasaran. Penggabungan berlaku apabila dua entiti yang sebelum ini beroperasi secara bebas bergabung melalui usaha sama (*joint venture*), atau pemerolehan (*acquisition*). Walaupun tidak semua penggabungan melanggar Akta Persaingan, penggabungan tersebut dianggap menyalahi undang-undang jika ia mengakibatkan pengurangan persaingan yang ketara di Negara Brunei Darussalam. Pengurangan persaingan ini boleh membawa kepada harga yang lebih tinggi, pilihan yang terhad bagi pengguna, dan



menghalang inovasi, yang semuanya boleh merugikan ekonomi secara keseluruhan. Oleh itu, adalah penting untuk menilai kesan penggabungan terhadap struktur pasaran sebelum ia diluluskan.

Secara keseluruhan, Akta Persaingan Negara Brunei Darussalam berfungsi sebagai penjaga pasaran yang bebas dan adil, melindungi persaingan demi manfaat pengguna dan ekonomi secara keseluruhan. Melalui penguatkuasaannya, Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam berusaha untuk mewujudkan persekitaran di mana perniagaan dapat berkembang dengan mengutamakan inovasi, kecekapan, dan kelakuan yang adil. Dengan memastikan persaingan yang sihat, pengguna-pengguna akan menikmati manfaat seperti harga yang lebih rendah, kepelbagaiaan pilihan, serta produk dan perkhidmatan yang berkualiti lebih tinggi. Selain itu, persaingan adil juga mendorong syarikat-syarikat untuk terus memperbaiki diri dan memenuhi kehendak pengguna. Dalam siri seterusnya, kami akan membincangkan dengan lebih terperinci Bab 11 (Perjanjian Anti-Pesaingan).

Situasi banjir di Daerah Belait terus dipantau

Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BELAIT, Jumaat, 18 Oktober. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) terus membuat pemantauan di beberapa kawasan di daerah ini yang masih lagi terjejas oleh banjir terutama sekali di kawasan pedalaman dan beberapa jalan raya ditenggelami air.

Dalam Laporan Sitrep Pemantauan Banjir JBP memasuki hari keempat di Mukim Bukit Sawat, Labi dan Sukang melaporkan bahawa sebanyak enam buah rumah dan seramai 29 penduduk telah terjejas dan satu

jalan raya masih lagi terjejas.

Walau bagaimanapun, laporan pada sebelah pagi bagi Mukim Sukang meliputi sekitar Pos Polis Sukang; Rumah Persinggahan Kampung Sukang; Klinik Kesihatan Mukim Sukang; Rumah Guru-guru Sekolah Rendah DMSD Sukang; Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian Sukang; dan Balai Ibadah Kampung Sukang menunjukkan tiada tanda banjir dilaporkan dengan keadaan cuaca yang cerah dan jalan raya kini sudah dapat dilalui oleh semua jenis

kenderaan.

Sementara itu di Mukim Sukang meliputi kawasan sekitar Jeti Penurunan Perahu; Rumah Panjang Punan; Kampung Sungai Dungon; dan Kampung Kuala Rawai sukatan paras air masih mencecah separas tebing dan laluan jalan hanya menggunakan perahu untuk sampai ke lokasi.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengetahui maklumat keadaan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajiciaca Brunei Darussalam.

Jika awda tidak ada di dalam rumah, pastikan pintu-pintu rumah dan jendela-jendela dalam keadaan tertutup bagi mengelakkan binatang-binatang liar masuk rumah awda; dan sentiasa memastikan serta menjaga keselamatan kanak-kanak agar tidak bermain dengan air takungan atau longkang akibat banjir.

Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan berikan maklumat tepat.



CUBAAN SELUDUP BARANG TEGAHAN BERJAYA DITUMPASKAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja



ANTARA barang tegahan yang dirampas oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Oktober. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah berjaya membanteras aktiviti penyeludupan barang-barang tegahan kastam melalui pemeriksaan di laluan masuk Pos Kawalan Sungai Tujuh dan gerakan operasi Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang di kawasan Kampung Pintu Malim.

Hasil pemantauan dan pemeriksaan Pegawai-pegawai JKED di Pos Kawalan Sungai Tujuh pada 16 Oktober 2024 telah berjaya menumpaskan satu percubaan menyeludup barang-barang tegahan dengan menahan seorang lelaki penduduk tetap berumur 34 tahun.

Barang-barang tegahan yang dirampas adalah 150 karton rokok; 948 tin minuman keras dan

sebuah kenderaan yang digunakan membawa barang-barang tegahan tersebut.

Pada hari yang sama, satu operasi gerakan operasi telah dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasaan JKED di kawasan Kampung Pintu Malim, Daerah Brunei dan Muara berjaya menahan seorang lelaki warga tempatan berumur 25 tahun dan seorang lelaki warganegara asing berumur 34 tahun.

Barang-barang tegahan yang dirampas adalah satu bungkus mengandungi bahan yang disyaki dada yang terkawal; 1,724 karton rokok dan dua buah kenderaan yang digunakan membawa barang-barang tegahan tersebut.

Kesemua barang-barang terbabit telah dirampas dan individu-individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-undang, JKED untuk siasatan lanjut. Manakala bungkus yang disyaki dada yang terkawal telah pun diserahkan kepada pihak Biro Kawalan Narkotik untuk siasatan dan tindakan lanjut agensi berkenaan.

JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundungan negara ini dan menghindari daripada melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan



atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan, sekatan dan juga larangan kastam.

Memiliki barang-barang tegahan kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 140, Perintah Kastam 2006 atau Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.

JKED turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat - maklumat yang berkaitan dengan aktiviti menyalahi perundungan dan peraturan yang

dikuatkuasakan oleh JKED.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa jua kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam atau apa jua aktiviti yang menyalahi perundungan kastam dengan menghubungi JKED menerusi talian utama JKED, +673 8714422/ +673 8721422 atau ke Pejabat Kastam yang berdekatan. Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

Dikenakan denda atas melakukan kekacauan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Oktober. - Gara-gara memuat naik sebuah video di media sosial TikTok seorang warganegara Thailand berumur 23 tahun didakwa di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendant, Sumaiyah Daraso didakwa melakukan kekacauan yang boleh mendatangkan kegusaran kepada pelajar dan kakitangan sebuah sekolah, di mana ia merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 268 Kanun Jenayah, Penggal 22 dan boleh dikenakan denda.

Mengikut pertuduhan, defendant didakwa telah merakam video pelajar balik dari sekolah tersebut lalu beberapa hari kemudian dia memuat naik video tersebut ke dalam akaun TikToknya dengan dipadankan dengan audio latar belakang pilihannya dan menyatakan nama pelajar tersebut. Isi video tersebut mendedahkan wajah pelajar dan kenderaan yang digunakan.

Dia kemudiannya mengeluarkan video tersebut

daripada akaunnya tetapi memandangkan akaun itu terbuka, video itu telah dimuat turun oleh pengguna TikTok lain dan dimuat naik semula ke pelbagai akaun TikTok yang menyebabkan ia menjadi tular di platform media sosial. Perkara itu telah dilaporkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei untuk siasatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Siti Khalilah binti Haji Hussin dan Nur Ruzana binti Haji Adnan menekankan bahawa sekolah harus diberi jaminan dan ketenangan fikiran bahawa kerahsiaan nama pelajar mereka tidak akan dikompromi apabila mereka meneruskan aktiviti harian mereka di sekolah.

Difahamkan lagi bahawa hukuman yang dijatuhkan itu seharusnya memberi mesej yang kuat kepada masyarakat umum bahawa sikap tidak mempedulikan keselamatan dan privasi pelajar serta kakitangan di kawasan sekolah tidak akan dipandang ringan.

Defendant mengaku bersalah di hadapan Majistret, Hajah Normazdina binti Haji Md. Maskub dan dijatuhkan hukuman denda BND1,000 dan jika gagal membayar akan dikenakan hukuman penjaran selama satu bulan.

Denda kerana miliki vape tanpa permit

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BELAIT, Rabu, 16 Oktober. - Mahkamah Majistret Kuala Belait hari ini, menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND20,000 atau 13 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warga tempatan.

Majistret, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid memutuskan

hukuman terbabit selepas Asnawi bin Pungut (defendant), 34 tahun, mengaku bersalah atas satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendant didakwa atas kesalahan kerana memiliki 156 biji vape pod pelbagai jenis dan satu botol vape juice tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Defendant ditangkap oleh Pegawai Pemeriksa Kastam, di Pos Kawalan Sungai Tujuh, Kuala Belait pada 23 Februari 2024.

Sebuah barang yang terlibat, iaitu vape pod dan vape juice dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan. Manakala sebuah kenderaan dan satu unit telefon bimbit adalah untuk dikembalikan kepada defendant.

Miliki rokok : Seorang lelaki didenda

KUALA BELAIT, Khamis, 17 Oktober. - Seorang lelaki penduduk tetap dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan

hukuman tersebut ke atas Chong Jih Chau di Mahkamah Majistret, hari ini.

Defendant mengaku bersalah dan didakwa memiliki barang-barang tegahan iaitu sebanyak enam karton rokok dan 19 batang rokok pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah.

Defendant yang berumur 42 tahun itu ditangkap oleh Pegawai - pegawai Pemeriksa Kastam di Pos Kawalan Sungai Tujuh, Kuala Belait pada 6 April 2023. Kesemua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Dihukum denda akibat miliki barang tegahan

BELAIT, Rabu, 16 Oktober. - Seorang lelaki warganegara tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND270,000 atau 26 bulan pemerjaraan bagi pertuduhan pertama, manakala bagi pertuduhan kedua dihukum denda sebanyak BND11,500 atau 10 bulan pemerjaraan jika gagal membayar denda atas dua pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid, menjatuhkan hukuman berkenaan ke atas Mohammad Kaerol Sharol bin Abdullah (defendant), 30 tahun, di Mahkamah Majistret hari ini.

Defendant mengaku bersalah dan didakwa memiliki 335 karton rokok pelbagai jenis dan 720 tin minuman keras pelbagai jenis.

Defendant ditangkap oleh

Pegawai Pemeriksa Kastam, di Pos Kawalan Sungai Tujuh, Kuala Belait pada 25 Januari 2024.

Sebuah barang yang terlibat, iaitu rokok dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan dan juga sebuah kenderaan dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tindakan selanjutnya.



KEMUDAHAN CERT RANTAU ASEAN BAHARU DILANCAR TINGKAT KERJASAMA KESELAMATAN SIBER

SINGAPURA, 16 Okt. - Kemudahan fizikal Pasukan Tindakan Kecemasan Komputer Rantau ASEAN (CERT) dilancarkan di sini pada Rabu, yang akan mempertingkatkan perkongsian maklumat dalam kalangan Negara Anggota ASEAN mengenai ancaman siber serta penipuan dalam talian.

Majlis pelancaran dirasmikan oleh Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Kao Kim Hourn, bersama para menteri dan pegawai kanan ASEAN, termasuk Menteri Digital Malaysia, Gobind Singh Deo dan Menteri Pembangunan Digital dan Maklumat

Singapura, Josephine Teo, semasa Persidangan Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Keselamatan Siber (AMCC) Ke-9.

Kemudahan CERT Rantau ASEAN ini akan ditempatkan di Pusat Kecemerlangan Keselamatan Siber ASEAN-Singapura (ASCCE) di Singapura.

Teo yang juga menteri bertanggungjawab bagi Smart Nation dan Keselamatan Siber, berkata kemudahan itu akan berfungsi sebagai ruang khusus untuk aktiviti bersemuka, seperti latihan siber, bengkel dan program pembinaan kapasiti siber CERT-CERT, untuk memupuk kerjasama yang padu dalam kalangan Negara Anggota ASEAN.

"Dengan pemberian US\$10 juta yang dijanjikan selama 10 tahun, CERT Rantau ASEAN mewakili langkah konkret dalam usaha ASEAN ke arah pembinaan kapasiti serantau dan perkongsian amalan terbaik."

"CERT Rantau ASEAN juga akan menyokong usaha kita dalam membangunkan perkongsian dengan industri dan akademik, memudahkan menjalankan latihan siber dan meningkatkan pertukaran maklumat tepat pada masanya," katanya dalam ucapannya di AMCC.

Teo berkata aktiviti CERT Rantau ASEAN akan ditadbir oleh pasukan petugas yang diketuai oleh Negara Anggota ASEAN sebagai penyelaras keseluruhan, yang akan digilirkan setiap dua

tahun.

Malaysia merupakan penyelaras pertama Pasukan Petugas CERT Rantau ASEAN.

Sementara itu, Teo berkata Senarai Semak Pelaksanaan Norma ASEAN (NIC) yang diterajui Singapura dan Malaysia disiapkan pada September tahun ini yang akan menyokong usaha kolektif untuk membina ruang siber yang lebih selamat dan terjamin.

NIC, senarai semak serantau pertama seumpamanya, akan berfungsi sebagai rujukan bukan

sahaja untuk AMS tetapi juga bagi negara di luar rantau ini.

Ia terdiri daripada satu set tindakan yang boleh dipertimbangkan dan diikuti oleh semua negara untuk melaksanakan norma tingkah laku bertanggungjawab di ruang siber menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tindakan yang boleh diambil untuk setiap norma dibahagikan kepada lima tonggak: dasar, operasi, teknikal, undang-undang dan diplomasi. - ©BERNAMA

Viet Nam muncul negara paling menyerlah untuk perniagaan

HANOI, 16 Okt. - Viet Nam telah diiktiraf sebagai negara yang paling menyerlah untuk perniagaan sejak dua dekad yang lepas, menurut Kedudukan Persekutaran Perniagaan Unit Risikan Ekonomi (EIU), lapor Xinhua memetik laporan Berita Viet Nam.

Laporan itu menyerlahkan kemajuan ketara Viet Nam dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang menggalakkan, manirik peningkatan pelaburan asing dan meningkatkan daya saing ekonomi globalnya.

Negara Asia Tenggara itu

mengalami kenaikan 1.7 mata dalam indeks dari 2003 hingga 2023, menandakan peningkatan terbesar dalam kalangan 82 negara yang dinilai, menurut laporan itu.

Menurut EIU, faktor utama di sebalik kenaikan itu termasuk komitmen Viet Nam untuk meliberalisasikan ekonominya melalui pelbagai perjanjian perdagangan bebas.

Prianthi Roy, pengurus ramalan negara dan penganalisis Eropah di EIU berkata, "Dalam tempoh lima tahun akan datang, persekitaran

perniagaan Viet Nam akan terus mengatasi pesaing serantau seperti Indonesia dan Thailand. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kos buruh yang kompetitif, perjanjian perdagangan yang meluas dan peluang pasaran yang semakin berkembang.

Walaupun Viet Nam telah mencatatkan peningkatan dari segi dasar perdagangan dan pelaburan dalam modal insan, prosedur birokrasi yang rumit dan halangan pentadbiran terus menghalang operasi perniagaan, katanya. - ©BERNAMA

90 terbunuh dalam letupan lori tangki minyak di Nigeria

KANO (Nigeria), 16 Okt.- Sekurang-kurangnya 90 orang terbunuh dan 50 yang lain cedera apabila sebuah lori tangki bahan api meletup di barat laut Nigeria, lapor Agensi Anadolu, memetik kenyataan polis pada

Rabu.

Jurucakap polis Lawan Adamu berkata letupan berlaku di sepanjang lebuh raya Kano-Hadejia di kawasan pentadbiran tempatan Taura di negeri Jigawa.

Menurut beliau, kejadian berlaku pada Selasa malam dengan letupan itu mencetuskan kebakaran besar yang marak sehingga 3.15 pagi (0215GMT) pada Rabu. - ©BERNAMA

Singapura kerah jet pejuang susulan ancaman bom dalam penerbangan Air India Express

SINGAPURA, 15 Oktober. - Singapura telah mengerahkan dua jet pejuang F-15SG selepas Air India Express menerima e-mel yang menyatakan terdapat bom di dalam pesawat penerbangan AXB684 yang menuju ke Singapura.

Menteri Pertahanan Dr Ng Eng Hen berkata jet pejuang Angkatan Udara Republik Singapura (RSAF)

mengiringi pesawat itu menjauhi kawasan yang berpenduduk dan ia mendarat dengan selamat di Lapangan Terbang Changi Singapura pada 10.04 Selasa malam.

"Sistem Pertahanan Udara Berasaskan Darat (GBAD) dan Pasukan Pelupusan Ordnans Letupan (EOD) kami turut diaktifkan. Sebaik sahaja di darat,

pesawat itu diserahkan kepada polis lapangan terbang," katanya dalam satu hantaran di X.

Dr Ng berkata siasatan sedang dijalankan.

"Terima kasih kepada dedikasi dan profesionalisme SAF dan Home Team yang memastikan kami selamat, walaupun ancaman wujud di sekeliling kami." - ©BERNAMA

93,000 kanak-kanak di Gaza terima vaksin polio dalam pusingan kedua kempen

RAMALLAH, 16 Oktober. - Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) telah berjaya memvaksin kira-kira 93,000 kanak-kanak di bawah usia sepuluh tahun di kawasan tengah Semenanjung Gaza, sebagai sebahagian daripada pusingan kedua kempen pemvaksinan polio.

Menurut Agensi Berita Palestin (WAFA), UNRWA dalam kenyataan melalui X menyatakan bahawa "walaupun dengan peningkatan perang dan cabaran yang berterusan, pusingan kedua kempen pemvaksinan polio di Semenanjung Gaza untuk kanak-kanak di bawah usia 10 tahun.

"Vaksin terbaik untuk kanak-kanak ialah gencatan

senjata dan keamanan," katanya.

Menteri Kesihatan Majed Abu Ramadan pada Isnin mengumumkan pelancaran pusingan kedua kempen pemvaksinan polio di Semenanjung Gaza untuk kanak-kanak di bawah usia 10 tahun.

Beliau menjelaskan bahawa kempen pemvaksinan itu akan

terdiri daripada tiga peringkat, yang pertama di kawasan tengah di Deir al-Balah dan akan berlangsung selama tiga hari dari 14 hingga 17 Oktober, dan boleh dilanjutkan untuk satu hari tambahan.

Beliau turut menyatakan bahawa dos kedua vaksin polio oral (OPV) akan diberikan, sebagai tambahan kepada vitamin A yang membantu meningkatkan imuniti

kanak-kanak, melawan jangkitan, serta menyumbang kepada peningkatan penglihatan dan pertumbuhan yang sihat.

Kempen itu menyasarkan untuk memvaksin 591,700 kanak-kanak di bawah usia 10 tahun, dan pasukan tetap serta bergerak akan dikerahkan untuk melengkapkan kempen itu. - ©BERNAMA

LAPORAN PBB : KEMISKINAN TEGAR DUNIA MENINGKAT BUAT PERTAMA KALI DALAM TEMPOH 20 TAHUN

NEW YORK, 18 Okt. — Dunia menyaksikan peningkatan kemiskinan tegar buat pertama kali dalam tempoh 20 tahun dan ketidaksamaan meningkat dengan ketara serta kekal tinggi. Berikutnya kejutan berturut-turut, bermula dengan pandemik COVID-19, menyebabkan kemunduran dalam langkah utama kemajuan pembangunan sosial, menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dilancarkan pada Khamis.

Walaupun pemulihan ekonomi makro sedang berlangsung, kemiskinan tegar kekal tinggi di negara yang berada dalam situasi khusus, menunjukkan kerentanan struktur yang mendalam. Menjelang 2022, kemiskinan tegar kembali ke tahap prapandemik di kebanyakan negara, kecuali negara berpendapatan rendah, menurut Laporan Sosial Dunia 2024, bertajuk "Pembangunan Sosial

pada Masa Krisis Menumpu: Seruan untuk Tindakan Global" yang dilancarkan Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial PBB.

Kadar pengangguran di negara berpendapatan rendah kekal tinggi, dengan kadar jurang pekerjaan meningkat daripada 20 peratus pada 2018 kepada 21 peratus pada 2023. Trend ini telah memburukkan lagi ketidaksamaan pendapatan dan kekayaan sedia ada di seluruh dunia, menurut laporan itu yang dipetik Xinhua.

Pada 2022, separuh daripada penduduk termiskin dunia hanya memiliki 2 peratus daripada kekayaan dunia, manakala 10 peratus golongan terkaya memegang 76 peratus.

Menurut laporan itu, krisis yang dihadapi dunia boleh menyebabkan kehilangan keluaran ekonomi terkumpul melebihi US\$50 trilion antara 2020 dan 2030, mencerminkan peluang yang hilang untuk melabur dalam

pembangunan sosial.

Dengan negara secara beransur-ansur keluar daripada pelbagai krisis, terdapat peluang untuk meminimumkan kesan jangka panjang krisis ini terhadap pembangunan sosial dan membina masyarakat yang lebih berdaya tahan, menurut laporan itu.

Menurut laporan itu, dalam persekitaran dasar global semasa, kejutan lebih mudah bertukar menjadi krisis yang merentasi sempadan, menuntut tindakan antarabangsa. Laporan itu menggesa tindakan global segera untuk menyokong usaha nasional untuk menangani kemunduran yang disebabkan oleh krisis global kebelakangan ini, dan untuk mengelakkan kejutan masa depan bertukar menjadi krisis.

Laporan itu menekankan keperluan kritikal untuk pembaharuan dan pemfokusan semula pembangunan kewangan antarabangsa untuk menyokong

tindak balas peringkat negara terhadap krisis global dan mewujudkan ruang fiskal yang diperlukan untuk memacu kemajuan sosial.

Ia juga mengkaji langkah-langkah untuk meringankan beban hutang negara membangun dan mengkaji bagaimana bantuan pembangunan rasmi, dalam bentuk geran dan pinjaman konsesi, pelepasan hutang yang bermakna dalam jangka pendek dan pengukuhan seni bina hutang berdaulat dalam jangka panjang, boleh memajukan pembangunan sosial.

"Laporan ini mendedahkan peranan penting tindakan pelbagai hala dalam menyokong usaha di peringkat kebangsaan untuk mencari ruang fiskal untuk



memerangi kemiskinan, mewujudkan pekerjaan dan setiap orang mempunyai peluang yang adil dalam hidup," kata Li Junhua, Timbalan Setiausaha Agung PBB bagi Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial.

Laporan Sosial Dunia ialah penerbitan utama Jabatan Hal Ehwal Ekonomi dan Sosial PBB mengenai isu utama pembangunan sosial, mengenal pasti trend sosial semasa dan baru muncul serta menyediakan analisis mengenai isu pembangunan utama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. - ©BERNAMA

Jepun lapor wabak selesema burung pertama musim ini

TOKYO, 17 Okt. — Strain selesema burung yang sangat patogenik dikesan dalam ayam di sebuah ladang ternakan di Hokkaido, Jepun selepas beberapa ayam ditemukan mati, menandakan wabak pertama yang disahkan di negara itu untuk musim ini.

Pihak berkuasa Hokkaido memulakan proses pemusnahan kira-kira 19,000 ayam di ladang itu sebagai langkah pencegahan,

yang dijangka selesai pada Jumaat, lapor Xinhua.

Sekatan pergerakan turut dilaksanakan, melarang pengangkutan ayam dan telur dalam radius 3 kilometer dari ladang itu serta mengharangkan pengangkutan produk ayam di luar radius 10 kilometer.

Kerajaan Hokkaido menggesa penguatkuasaan langkah pembendungan yang ketat untuk mencegah penularan lebih lanjut

dan memberi jaminan kepada orang ramai bahawa produk ayam yang kini berada di pasaran adalah selamat untuk dimakan.

Sebagai tindak balas kepada wabak itu, Kerajaan Jepun menubuhkan pejabat perhubungan maklumat di Pusat Pengurusan Krisis Perdana Menteri dan mula mengumpul data dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan. - ©BERNAMA

Korea Selatan ingin perkukuh kerjasama tadbir urus AI dengan Malaysia, ASEAN

SEOUL, 17 Okt. — Korea Selatan menyuarakan hasrat untuk memperkuuh hubungan dengan Malaysia dan negara anggota ASEAN dalam isu berkaitan kecerdasan buatan (AI), dengan penekanan khusus pada perlindungan harta intelek (IP), keselamatan siber, maklumat palsu dan kerjasama rentas sempadan.

Peguam Harta Intelek (IP) dan pakar dari firma guaman Lee & Ko yang berpangkalan di Seoul, Kwak Jae Woo berkata inisiatif itu bertepatan dengan peranan Malaysia sebagai pengurus ASEAN akan datang, menawarkan peluang kerjasama dalam tadbir urus AI.

"Pendekatan proaktif Korea Selatan dalam mengawal selia AI boleh dijadikan contoh bagi Asia Tenggara. Pendekatan negara saya mengimbangi keperluan inovasi dengan keselamatan awam dan pertimbangan etika.

"Korea Selatan telah merangka undang-undang yang berpandangan jauh untuk menangani cabaran khusus yang ditimbulkan oleh AI, terutamanya AI generatif yang berpotensi besar dalam mencipta maklumat palsu.

"Malaysia boleh memanfaatkan jawatan Pengerusi ASEAN untuk mengusulkan kerangka kerja bersama yang menangani isu-isu berkaitan AI seperti privasi, keselamatan siber dan perlindungan IP," katanya dalam satu temu bual baru-baru ini dengan Bernama.

Kwak ditemui di luar Persidangan LAWASIA ke-37 2024, yang diadakan di sini dari 13

hingga 15 Okt 2024.

Persidangan itu menghimpunkan pemimpin peguam, ahli perundangan, organisasi profesional dan peguam individu dari seluruh rantau Asia Pasifik untuk membincangkan perkembangan serantau dalam undang-undang, amalan kehakiman, pendidikan undang-undang dan penyelesaian pertikaian rentas sempadan.

Mengulas lanjut mengenai peranan Malaysia dalam ASEAN, Kwak menjelaskan bahawa ASEAN boleh menyelaraskan dasarnya dan menerima pakai kerangka kerja yang padu untuk secara kolektif menangani cabaran yang ditimbulkan oleh teknologi AI.

Memandangkan risiko keselamatan siber yang berkaitan dengan AI kini semakin meningkat, beliau mencadangkan forum ASEAN boleh mendapat manfaat daripada pendekatan Korea Selatan dalam mengintegrasikan langkah keselamatan siber ke dalam peraturan AI.

"AI merevolusikan banyak industri, tetapi ia juga meningkatkan ancaman keselamatan siber yang semakin canggih. ASEAN harus memberi perhatian kepada keselamatan siber dalam dasar Alnya untuk mewujudkan persekitaran digital yang lebih selamat di seluruh rantau ini pada masa ini," tambahnya.

Selain itu, dengan cabaran baharu seperti maklumat salah dan berita palsu yang mengancam keselamatan negara, politik dan

ekonomi, Kwak mencadangkan penubuhan Pasukan Petugas Serantau untuk memantau dan memerangi maklumat palsu.

Pasukan petugas ini, kata Kwakboleh merangkumi wakil dari negara anggota ASEAN, syarikat teknologi, dan masyarakat sivil, memberikan pelbagai pandangan untuk menangani isu yang semakin meningkat ini.

"Pendekatan kolaboratif ini penting untuk membangunkan penyelesaian yang berkesan bagi cabaran maklumat palsu," katanya, sambil menyatakan kerjasama antarabangsa amat diperlukan terutama apabila negara bergelut dengan sifat global inovasi AI.

Beliau turut mencadangkan agar Malaysia dan ASEAN memberi keutamaan kepada pembangunan program pendidikan untuk memaklumkan kepada pencipta dan orang ramai tentang hak dan kewajipan mereka berhubung kandungan yang dijana AI.

"Penyelaras dengan piawaian antarabangsa kini penting untuk ASEAN dan Malaysia juga boleh memainkan peranan penting dalam menggalakkan kerjasama rentas sempadan mengenai rangka kerja undang-undang berkaitan AI," katanya.

Menurut laporan media antarabangsa, kes undang-undang yang terkenal termasuk Thaler IwnComptroller General of Patents and Google LLC Iwn Oracle America, Inc, yang mencetuskan perdebatan mengenai kesan AI terhadap undang-undang hak cipta dan pembangunan perisian. - ©BERNAMA

Krisis air ancam separuh pengeluaran makanan dunia

BERLIN, 17 Okt. — Jika manusia tidak bertindak dengan lebih berani dan mendedahkan, kitaran air yang semakin tidak seimbang akan mendarangkan malapetaka kepada ekonomi dan manusia di seluruh dunia, menurut laporan yang dikeluarkan pada Rabu.

Menurut laporan bertajuk, The Economics of Water : Valuing the Hydrological Cycle as a Global Common Good, krisis air membahayakan lebih separuh daripada pengeluaran makanan dunia menjelang 2050, lapor Xinhua.

Krisis itu juga mengancam kehilangan 8 peratus KDNK di negara seluruh dunia secara purata menjelang 2050, dengan kerugian sebanyak 15 peratus di negara berpendapatan rendah serta kesan ekonomi yang lebih besar selepas itu, menurut laporan Suruhanjaya Global mengenai Ekonomi Air.

Laporan itu menekankan bahawa kelemahan ekonomi, penggunaan tanah yang merosakkan dan salah urus sumber air yang berterusan dan tidak cekap telah digabungkan dengan krisis iklim yang semakin buruk, menyebabkan kitaran air global berada di bawah tekanan yang belum pernah berlaku.

Hampir 3 bilion orang dan lebih separuh daripada pengeluaran makanan dunia berada di kawasan yang mengalami pengeringan atau trend yang tidak stabil dalam jumlah ketersediaan air. Selanjutnya, beberapa bandar tenggelam akibat kehilangan air di bawah tanah, menurut laporan itu.

"Hari ini, separuh daripada penduduk dunia menghadapi kekurangan air. Apabila sumber penting ini menjadi semakin terhad, keselamatan makanan dan pembangunan manusia berada dalam bahaya-- dan kita membenarkan ini berlaku," kata Johan Rockstroem, pengarah Institut Potsdam untuk Penyelidikan Impak Iklim dan seorang daripada empat pengerus bersama Suruhanjaya itu.

"Buat pertama kali dalam sejarah manusia, kita telah menyebabkan kitaran air global keluar daripada keseimbangan. Kerasan, sumber utama semua air tawar, tidak lagi boleh diharapkan disebabkan oleh perubahan iklim dan penggunaan tanah yang disebabkan oleh manusia, menjelaskan atas kesejahteraan manusia serta ekonomi global," katanya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



YANG Dipertua Persatuan Lun Bawang Murut Brunei, Leftenan Kolonel (B) Tamin bin Tuah semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Kejohanan Bulu Tangkis sempena Irau Tupeh Paday Tahun 2024 (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang menyertai kejohanan tersebut.

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Persatuan Lun Bawang Murut Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 Oktober. - Persatuan Lun Bawang Murut Brunei telah mengadakan Kejohanan Bulu Tangkis sempena Irau Tupeh Paday Tahun 2024 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga Ahad, 20 Oktober 2024.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Pembukaan Kejohanan Bulu Tangkis telah diadakan hari ini berlangsung di Dewan Pusat Belia, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan kejohanan ialah Yang Dipertua persatuan

berkenaan, Leftenan Kolonel (B) Tamin bin Tuah.

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Dipertua persatuan berkenaan menyatakan kejohanan ini merupakan satu platform yang sangat baik untuk mengetengahkan pemain-pemain yang berbakat, meningkatkan skil dan pengalaman bagi memajukan lagi mutu kesukaran badminton dalam kalangan Puak Murut.

Beliau berharap agar Ahli Jawatankuasa Kerja Sukan Badminton

akan membuat penilaian dan memilih peserta-peserta yang berpotensi dan berkemahiran untuk mewakili persatuan ini untuk mewakili daerah masing-masing bermain ke peringkat Kejohanan Pesta Sukan Kebangsaan Tahun 2025, seterusnya mewakili persatuan ini nanti untuk menyertai Kejohanan Badminton di luar negara pada masa-masa akan datang.

Setiap peserta diharapkan akan menunjukkan semangat sukan yang tinggi, di samping mengeratkan persatuan dan mengeratkan silaturahim yang sudah sedia ada dengan lebih akrab di antara pemain-pemain.

Seramai 80 orang lelaki dan 38 orang perempuan telah menyertai kejohanan tersebut. Pada kejohanan ini terdapat empat kategori akan dipertandingkan iaitu Beregu Campuran Umur (100) Tahun Ke Atas, Beregu Lelaki Terbuka, Beregu Wanita Terbuka dan Beregu Wanita Campuran (80) Tahun Ke Atas.

Acara Irau Tupeh Paday 2024 ini dijalankan sehingga bulan Januari 2025. Beberapa kejohanan sukan yang lain turut juga diadakan seperti Kejohanan Sukan Bola Tampar, Bola Sepak 7 Orang Sepasukan, Tarik Kalat, Strong Man dan Strong Woman, Sukan Sumpit, Acara Belapan dan Padang.

Tang Jie-Ee Wei 'kembali' di Masters Jepun

KUALA LUMPUR, 18 Okt. - Beregu campuran utama negara Chen Tang Jie-Toh Ee Wei dijangka kembali menyertai kejohanan selewati-lewatnya pertengahan November dengan Masters Jepun 2024 menjadi kejohanan pertama selepas berehat akibat kecederaan sebelum ini.

Ketua jurulatih beregu campuran Nova Widianto berkata selain Masters Jepun pada 12 hingga 17 Nov, pasangan negara itu seterusnya menyertai Masters China (19-24 Nov) dalam misi mengumpul mata ranking kelayakan ke Jelajah Dunia Akhir Persekutuan Badminton Dunia (BWF) 2024 di Hangzhou, China hujung tahun ini.

"Saya rasa Masters Korea mereka tidak akan serta kerana mata agak sedikit walaupun layak final, kena jadi juara (baru ada mata). Tapi untuk Masters Jepun dan China, mereka sudah siap (untuk serta). Sebab kalau Masters Jepun, layak ke separuh akhir boleh dapat mata manakala China pula mereka kena layak

ke suku akhir (dapat mata)," katanya kepada Bernama selepas sesi latihan pasukan kebangsaan di Akademi Badminton Malaysia (ABM) di sini hari ini.

Pasangan di ranking kesembilan dunia itu terlepas dua kejohanan iaitu Terbuka Artik dan Denmark, berikutan Ee Wei mengalami kecederaan di tangan ketika sesi latihan sebelum ini. Sementara itu, Nova optimis anak buahnya itu mampu melayakkkan diri secara merit ke Jelajah Dunia BWF 2024 berdasarkan semangat juang yang ditampilkan Tang Jie-Ee Wei.

Mengikut format Jelajah Dunia Akhir BWF, hanya lapan pemain dan pasangan terbaik dalam ranking kelayakan akan beraksi di kejohanan berkenaan. Berdasarkan ranking terkini Jelajah Dunia Akhir BWF, gandingan Tang Jie-Ee Wei berada di ranking ketiga di belakang beregu campuran profesional negara, Goh Soon Huat-Shevon Lai yang menghuni tempat kedua. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PUSAT Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merupakan sebuah pusat kemahiran yang mengendalikan pelbagai kursus kemahiran kepada komuniti dan belia. PPB memfokuskan kepada pengendalian dua program kemahiran yang utama iaitu Program Pembangunan Belia (satu tahun) - menjalankan latihan kemahiran yang *marketable* dan diktiraf kepada belia, program pembangunan diri dan program penempatan kerja bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka untuk mendapatkan pekerjaan, menjalankan perusahaan sendiri atau melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Kedua, Program Komuniti (kurang daripada enam bulan) - menjalankan pelbagai kursus secara jangka pendek yang juga bertujuan untuk *upskilling* dan *reskilling* bagi menyokong agenda kebangsaan daripada segi pembangunan sumber manusia iaitu pembelajaran sepanjang hayat.

SUMBER : kkbs.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KEIMANAN, KERJAKAN AMAL SOLEH AGAR TERHINDAR DARIPADA ISTIDRAJ